

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"NEGARA Brunei Darussalam sentiasa peka dengan apa jua unsur kebajikan yang kita perlukan, sama ada dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan lain-lain".
- Titah Sempena Majlis Ilmu 2013.



قلبي في بيتا Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"ORANG-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taubah, ayat 20.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.40

SUBUH
4.50

SYURUK
6.07

DUHA
6.29

ZUHUR
12.09

ASAR
3.23

MAGHRIB
6.10

ISYAK
7.19

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 120

7 OKTOBER 2019 / 1441 8 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Kerabat diraja berangkat sertai aktiviti 'Football Funday'



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman, Mohammad
Hatrai Hazmi Awang
Abdul Hamid

JERUDONG, Ahad, 6 Oktober. - Sebanyak 130 buah pasukan bola sepak mewakili sekolah-sekolah, maktab dan akademi bola sepak tempatan menyertai acara 'Football Funday' anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) berlangsung di Padang Bola Sepak JIS, di sini.

Pasukan-pasukan yang ikut serta bersaing dalam kejohanan lima orang sepasukan dalam tujuh kumpulan kategori umur, iaitu dari Kategori Bawah Umur 8 Tahun hingga Bawah Umur 19 Tahun.

Berangkat pada acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ke muka 3

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berkenan berangkat ke acara 'Football Funday' anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) berlangsung di Padang Bola Sepak JIS. - Foto : Masri Osman.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH

InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



PESERTA SBYLEP menelusuri
keindahan Daerah
Temburong Muka 6



KOMITED kukuhkan
hubungan ketenteraan
Muka 8



SBYLEP peluang berkongsi
maklumat dalam
keusahawanan Muka 9



BENGKEL tingkatkan
pengetahuan
penjagaan kulit Muka 12



SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-73 TAHUN

مانوسكريف اسلام مرچو تند اکتمدونن اومت
Manuskrip Islam Merou Tanda Ketamadunan Umat

Lestarikan nilai ibadah haji dalam kehidupan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, peramba / saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis Perhimpunan Jemaah Haji Bagi Tahun 1440H / 2019M.

Ini adalah kali kedua peramba / saya dijemput hadir ke Majlis Perhimpunan ini dan peramba / saya sukacita mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana menjemput peramba / saya hadir bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada Syarikat-Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji Tahun 1440H / 2019M.

Peramba / saya juga sukacita mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Urusan Haji dan kepada empat buah Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji bagi tahun 1440H yang terdiri dari Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad, Raudah Al-Amin Sendirian Berhad dan At-Taqwa Travel & Tours Sendirian Berhad kerana dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta memberikan perkhidmatan yang cukup cemerlang dan sempurna; memeduli kesejahteraan para jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Tanah Suci tempoh hari.

Peramba / saya juga berasa sangat gembira bila mengetahui bahawa majlis pada pagi ini adalah hasil muafakat, kerjasama dan kolaborasi keempat-empat buah syarikat berkenaan dan juga Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengukayahkan majlis pada pagi ini buat kali yang keduanya setelah pertama kalinya diadakan pada tahun lalu 1439H / 2018M. Apa yang diharapkan semoga usaha dan kerjasama seperti ini akan sentiasa berterusan dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

Di kesempatan ini juga, peramba / saya juga ingin mengucapkan tahniah dan selamat kepada jemaah haji yang telah menunaikan fardu haji baru-baru ini. Peramba / saya yakin jemaah haji kembali ke pangkuan keluarga dan kembali ke tanah air dengan membawa seribu kenangan, seribu pengharapan supaya segala amalan yang telah dilaksanakan sewaktu abiskita berada di Tanah Suci tempoh hari



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Jemaah Haji Tahun 1440H / 2019M pada Rabu, 25 Muharam 1441H bersamaan 25 September 2019M di Dewan Banquet BRIDEX, Jerudong.

diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan beroleh haji yang mabrur; haji yang tiada ada ganjaran baginya melainkan ganjaran syurga sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya : "Haji yang mabrur tidak ada ganjaran baginya melainkan syurga." (HR Muslim)

Perhimpunan pada pagi ini pada hemat peramba / saya memberi makna yang sangat besar kepada kita semua yang hadir sebagai tanda menzahirkan rasa syukur atas sempurnanya dan selesainya para jemaah haji kita menunaikan ibadah haji dan juga mengeratkan lagi hubungan silaturahmi yang telah dijalin oleh para jemaah haji negara ini kerana dapat menyempurnakan ibadah haji dengan selesa dan sejahtera seterusnya kembali ke tanah air dengan selamat. Hubungan silaturahmi yang telah dipupuk dan menjadi intim dan erat ini sudah tentunya memberi impak yang positif bagi diri para jemaah untuk terus istiqamah membuat amalan-amalan kebaikan dalam kehidupan seharian sebagaimana ketika berada di Tanah Suci tempoh hari.

Alhamdulillah, Tuan-Tuan dan Puan-Puan para jemaah telah dapat menyempurnakan rukun Islam yang kelima iaitu menunaikan ibadah haji

ke Tanah Suci. Berkaitan dengan hal ini, suka peramba / saya menyatakan bahawa ada tiga perkara yang seharusnya mendapat perhatian dan dititikberatkan oleh para jemaah sekalian setelah abiskita selamat pulang ke tanah air.

Pertama : Aspek keperibadian. Setiap jemaah haji hendaknya terus berupaya melestarikan amalan yang telah dijalankan selama di Tanah Suci, seperti menunaikan sembahyang di awal waktu, menunaikannya secara berjemaah dan lebih utama lagi berjemaah di masjid, melaksanakan ibadah-ibadah sunat, sentiasa menghiiasi diri dengan sifat-sifat terpuji, bersegera bertaubat apabila melakukan atau telanjur melakukan kesalahan, dan juga ibadah-ibadah yang lainnya.

Kedua : Aspek 'ubudiyah. Setiap jemaah haji hendaknya terus berupaya untuk meningkatkan kualiti ibadah sembahyang, sentiasa melazimi membaca Al-Quran, prihatin dan segera memberi pemeduliaan terhadap orang yang daif dan fakir miskin melalui zakat, infak dan sebagainya.

Ketiga : Aspek sosial. Setiap jemaah haji berusaha membiasakan diri sembahyang berjemaah, menyantuni anak-anak yatim, berziarah kepada orang sakit, bersedia memberikan pertolongan dan bekerja bergotong-royong dan lain-lain amalan kemasyarakatan yang bermanfaat.

Matlamatnya adalah seperti yang dikatakan oleh Syeikh Hassan al-Mussyath yang lahir di Mekah pada tahun 1317H dan wafat di Mekah pada tahun 1399H menyatakan bahawa "Tanda-tanda kemabruran ibadah haji seseorang apabila mampu membentuk kepribadiannya setelah melaksanakan ibadah haji berubah menjadi lebih baik daripada sebelumnya dan tidak lagi mengulang maksiat."

Semoga para jemaah haji sekalian dapat melestarikan nilai-nilai ibadah haji itu dalam kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara serta diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

Di dalam Al-Quran telah dijelaskan bahawa apabila Allah Subhanahu Wata'ala menerima amal seorang hamba, maka Dia pasti akan menolongnya dalam meningkatkan amal perbuatannya baik selepasnya sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Lail, ayat 5 hingga 7, tafsirnya : "Adapun orang yang memberikan (hartanya pada jalan Allah) dan bertaqwa. Dan dia mengakui kebenaran adalah ganjaran yang baik (syurga). Maka Kami akan memudahkannya untuk mendapat kesenangan."

Ke muka 11

Dari Sidang
Pengarang.

7 OKTOBER 2019 BERSAMAAN 1441 8 صفر

BERSAMA MENJAGA ALAM SEKITAR

KEHIDUPAN kita dikelilingi oleh alam sekitar yang terdiri daripada kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut. Alam sekitar masa kini berdepan dengan kesan pencemaran yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pembuangan sampah di sungai-sungai, penggunaan baja-baja kimia, pembakaran terbuka tanpa pemantauan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita seharusnya menjaga alam sekitar kerana ia bukan hanya digunakan untuk masa sekarang bahkan sehingga beratus-ratus tahun lagi oleh generasi akan datang. Sehubungan itu, beberapa langkah perlu diambil bagi mengembalikan kesegaran dan kenyamanan alam sekitar.

Antara langkah yang boleh diambil adalah melalui penerangan melalui media massa akan kepentingan menjaga alam sekitar. Melalui media massa seperti televisyen, radio, media sosial, akhbar dan sebagainya, kita boleh menyampaikan mesej-mesej berguna kepada orang ramai misalnya tentang pembakaran terbuka, akibat daripada kebakaran tersebut boleh menyebabkan pencemaran udara yang boleh menjejaskan tahap kesihatan orang ramai. Di samping itu, mesej-mesej pengajaran ini boleh dilaratkan menerusi jaringan media sosial kerana medium ini amat cepat bagi menyebarkan berita-berita terkini berkaitan kesedaran menjaga alam sekitar.

Selain itu, langkah untuk menjaga alam sekitar ialah melalui kempen alam sekitar seperti kempen kitar semula, yang boleh menggalakkan pengguna agar menggunakan semula bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Dengan itu, ia juga boleh mendidik masyarakat agar berijmat cermat dan dapat mengurangkan pencemaran. Di samping itu, negara kita juga sedang giat melaksanakan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik yang bermula sejak 1 Januari 2019, sebagai usaha pihak kerajaan bagi menjadikan negara ini bebas dari pencemaran plastik. Inisiatif Kementerian Pembangunan yang membawa slogan 'Usaha Negara dalam Membasmi Pencemaran Plastik' tersebut diharapkan akan dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap perlindungan persekitaran dalam kalangan rakyat Brunei. Walaupun usaha seumpama ini pada awal mungkin terasa janggal namun alah bisa tegal biasa.

Namun apa yang paling utama adalah penerapan nilai-nilai murni akan kepentingan penjagaan alam sekitar seperti memasukkannya ke dalam syllabus pengajaran dan pembelajaran, di mana guru boleh menanamkan sikap perasaan cinta pelajar-pelajar terhadap alam sekitar dan rasa bertanggungjawab memelihara alam sekitar yang ada di sekeliling mereka. Dengan alam sekitar yang bersih dan bebas daripada pencemaran nescaya kita akan hidup dalam keadaan yang selesa, nyaman dan sejahtera. Oleh itu, sama-samalah kita menjaga dan memuliharaanya sewajarnya. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C
PEKAN BANGAR		
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT		
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C

Wallahuallam Bissawab
Jabatan Kajiucaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Oras
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	8	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	SELASA	9	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.19
9	RABU	10	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
10	KHAMIS	11	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
11	JUMAAT	12	4.39	4.49	6.06	6.29	12.08	3.24	6.08	7.18
12	SABTU	13	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	AHAD	14	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Kerabat diraja berangkat sertai aktiviti 'Football Funday'

Dari muka 1

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berangkat pada acara 'Football Funday' anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) berlangsung di Padang Bola Sepak JIS.



Acara kali ini turut disertai oleh cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu anakanda-anakanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Pasukan ISB Warriors yang disertai oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim muncul juara bagi Kategori Lelaki Bawah Umur 13 Tahun, manakala naib juara disandang oleh pasukan BSRC Youth Dragons dan tempat ketiga dimenangi oleh Dash Blue.

Sementara itu, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang menyertai pasukannya 'ISB Angels' meraih naib juara dalam Kategori Perempuan Bawah Umur 8 Tahun.

Juara bagi kategori berkenaan dimenangi oleh Pasukan JIS Yellow dan tempat ketiga disandang oleh JIS Blue.

Juga menyertai dalam Kategori Lelaki Bawah Umur 19 Tahun ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menyertai dalam Kategori Lelaki Bawah Umur 15 Tahun.

CUCUNDA-CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang mewakili Pasukan ISB Warriors dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah mewakili pasukan 'ISB Angels' pada 'Football Funday' anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (kiri dan kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan 'Football Funday' anjuran JIS.

Antara sekolah yang menyertai 'Football Funday' kali ini termasuk ISB, Sekolah Hornbill, Sekolah Panaga, JIS, Seri Mulia Sarjana (SMSS), Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dash Football Academy, St. Andrew's, Sekolah St. James (Kuala Belait), Kolej Antarabangsa Micronet, Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), Pusat Tingkatan Enam Tutong termasuk pasukan-pasukan belia iaitu BSRC Seria, Persatuan Bola Sepak Amatut Tutong dan Projek

Ikan Pusu.

Selain perlawanan bola sepak, acara turut dimeriahkan dengan pelbagai jualan makanan dan minuman yang disertai oleh para peniaga antaranya Bake Culture, Gong Cha, Pan & Wok, Mr. Softy, Casbah London Kebab, Potato Habit, Eatwell Co. Currypuff Factory, Don Churros di samping jualan seni kraf tangan dan produk-produk buatan sendiri seperti beg tangan, set penjagaan kulit, aksesori dan sebagainya.



JUGA menyertai dalam Kategori Lelaki Bawah Umur 19 Tahun ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kiri sekali) dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menyertai dalam Kategori Lelaki Bawah Umur 15 Tahun (kiri).

Peroleh rezeki halal lagi berkat



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kiri) dan para jemaah yang lain hadir pada Tazkirah Subuh, bertajuk 'Rezeki Halal Baik dan Diberkati', disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Oktober. - Rezeki adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang terbahagi kepada dua, iaitu jasmani dan rohani.

Antara contoh-contoh rezeki yang berbentuk jasmani itu ianya adalah seperti gaji, harta, wang ringgit, makanan dan anak-anak. Manakala rezeki yang berbentuk rohani pula merupakan sesuatu yang hanya dapat dirasakan oleh diri sendiri seperti kebahagiaan, kesenangan dan ketenangan.

Islam telah memberikan garis pandu dalam memperoleh rezeki,

seperti mendapatkannya dari jalan yang halal serta turut dituntut memperolehnya dari jalan yang baik dan bukan sebaliknya, sekali gus turut menuntut agar seluruh umatnya untuk terus memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar dikurniakan rezeki yang berkat dengan cara memanjatkan doa ke hadirat-Nya. Sesungguhnya rezeki walaupun sedikit tetap diberkati nikmatnya pasti lumayan.

Perincian berkenaan merupakan antara perkara yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu

Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa Tazkirah Subuh yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini, dengan tajuk 'Rezeki Halal Baik dan Diberkati'.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan disokong oleh Jabatan Perdana Menteri ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Setiausaha Tetap KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Abd. Halidi bin Mohd. Salleh dan Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan sebuah program sama-sama mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu di masjid.

Majlis Keagamaan sempena Hari Puja Usia



MAJLIS Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berlangsung di kediaman Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Hasbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di Kampung Sungai Besar (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Oktober. - Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis yang berlangsung di kediaman Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Hasbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di Kampung Sungai Besar, di sini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Datin Hajah Nahriah selaku

Ketua Jawatankuasa Keagamaan kumpulan berkenaan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas diikuti dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam Al-Quran yang telah dibacakan oleh Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad, isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama, disusuli kemudian dengan Sembahyang Sunat Hajat

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Berjemaah diimamkan oleh Dayang Hajah Saemah binti Haji Abdul Salam.

Bacaan Doa Kesyukuran mengakhiri majlis berkenaan yang dibacakan oleh Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda kasih dan kesyukuran sempena memperingati Ulang Tahun Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Kejohanan IET Faraday Challenge dilancarkan



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman di antara IET Brunei Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), yang ditandatangani oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Yang Dipertuanya, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, sementara IET ditandatangani oleh Head of Communities and Event, Alex Taylor.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JALAN MUARA, Sabtu, 5 Oktober. - Kejohanan IET Faraday Challenge adalah persaingan berasaskan kejuruteraan yang dibukakan kepada pelajar-pelajar sekolah berumur 12 hingga 13 tahun yang kelak bersaing untuk dinilai keupayaan mereka-bentuk, membuat dan mempromosikan penyelesaian terbaik ke atas satu-satu cabaran yang diberikan untuk dilaksanakan.

Tujuan kejohanan tersebut ialah untuk memperkenalkan generasi

baharu mengenai keseronokan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan serta menanam minat dalam diri para peserta muda menyelesaikan masalah dan membina keyakinan terhadap kemampuan mereka melakukan-nya dan menggalakkan peserta muda berfikir di luar kotak.

Mewakili Negara Brunei Darussalam di kejohanan ini ialah Sekolah St. George's, manakala tiga lagi kumpulan lain yang turut berentap ialah Carmel Pak U

Secondary School daripada Hong Kong, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Lintang, Kuching Malaysia dan daripada Republik Singapura ialah Raffles Girls School.

Majlis yang dianjurkan oleh The Institution of Engineering and Technology, ringkasnya IET dihadiri oleh Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan kejohanan tersebut.

Terdahulu, semasa menyampai-

kan kata-kata aluannya, Honorary Chairperson, IET Brunei Darussalam Local Network, Leftenan Kolonel (U) Schufin bin Haji Ibrahim berkata, kejohanan yang diadakan di Aman Hill Hotel tersebut merupakan julung kali diadakan dan penganjuran kali ini amat bermakna memandangkan ianya turut melangsungkan Persidangan IET Asia Pacific Community Conference (AP CVC) bertemakan 'Building a Better Region Tomorrow' serta penandatanganan memorandum persefahaman di antara IET Brunei Pertubuhan Ukur, Jurutera



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin menyampaikan ucapan melancarkan kejohanan.

dan Arkitek (PUJA), yang ditandatangani oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Yang Dipertuanya, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman sementara IET ditandatangani oleh Head of Communities and Event, Alex Taylor.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Ir. Dayang Hajah Siti Aidah binti Haji Mohammad.



KETUA Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Maklumat Komunikasi Brunei Darussalam (AITI), Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Pasukan Danunu dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkunong, iaitu juara Pertandingan Mereka Cipta Digital Website Tahun 2019.



Pasukan Danunu juara Pertandingan Mereka Cipta Digital Website

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Pasukan Danunu dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkunong dengan perusahaannya, Faficko Enterprise menjuarai Pertandingan Mereka Cipta Digital Website Tahun 2019 bagi pelajar-pelajar Tingkatan Enam.

Naib juara disandang oleh JDY_The Trio dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan perusahaan Laili's Bridal, manakala tempat ketiga diraih oleh AVR dari PTE Tutong dengan perusahaan HD Studio.

Sehubungan itu, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Maklumat Komunikasi Brunei Darussalam (AITI), Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah Sekolah Sukan, di sini.

Pertandingan Mereka Cipta

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

Digital Website ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli dengan kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kampus Sultan Saiful Rijal dan disokong oleh Battle Pro Marketing and Management Services.

Pertandingan Digital Website merupakan pertandingan yang menguji peserta untuk menghasilkan sebuah laman web khusus bagi pelajar-pelajar PTE sahaja.

Sebanyak lapan buah pasukan menyertai pertandingan ini dengan menggunakan perisian Wix (www.wix.com) untuk membina digital website bagi sebuah perusahaan tempatan.

Laman sesawang yang dihasilkan hendaklah dibuat dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Matlamat pertandingan diadakan adalah untuk membentuk generasi berwawasan yang berkemahiran terutama dalam bidang ICT, di samping mempersiapkan sekolah masing-masing untuk memiliki pereka cipta yang boleh mencipta laman sesawang yang dapat menjadi sumber informasi dan rujukan umum.

NAIB juara Pertandingan Mereka Cipta Digital Website Tahun 2019 disandang oleh pasukan JDY_The Trio dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menerima hadiah daripada tetamu kehormat.

Peserta SBYLEP menelusuri keindahan Daerah Temburong



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok (kiri) ketika mengalu-alukan ketibaan para peserta Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura - Brunei (SBYLEP) membuat lawatan ke Daerah Temburong (kiri). Sementara gambar kanan, para peserta berpeluang menikmati kuih-muih tradisional tempatan.



Para peserta seterusnya membuat lawatan ringkas di Pejabat Daerah Temburong.

Para peserta kemudian dibawa ke Outward Bound Brunei Darussalam di Batang Duri, di mana mereka berpeluang merasai pengalaman indah menelusuri keunikan dan kekayaan alam sekitar iaitu Ulu Temburong National Park, hutan hujan tropika yang bersih dan habitat semula jadi.

Peserta-peserta diberi taklimat mengenai inisiatif 'Heart of Borneo' oleh Jabatan Perhutanan dan melakukan aktiviti yang menarik seperti Canopy Walk Taman Negara, *kayaking*, *flying fox* dan *rock-climbing*.

Lawatan berakhir di Pusat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, di mana taklimat mengenai kemudahan-kemudahan PKBN disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Pusat Khidmat Bakti Negara, Pengiran Muhammad Nuur Hakiim bin Pengiran Anak Badi' Odzaman, sebelum menaiki bot balik ke Bandar Seri Begawan untuk melihat dan acara Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) di Pusat Belia.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

BANGAR, Sabtu, 5 Oktober. - Para peserta Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura - Brunei (SBYLEP) membuat lawatan ke Daerah Temburong dan berpeluang merasai aktiviti ekopelancongan yang berasaskan

keaslian alam semula jadi yang sempurna dan masih terpelihara.

Seramai 30 peserta yang berumur 19 hingga 35 tahun dari kedua-dua buah negara, iaitu 15 orang belia dari Negara Brunei

Darussalam dan 15 orang belia dari Republik Singapura.

Sejurus tiba di Temburong, para peserta dialu-alukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok dan Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul

bin Haji Duahim di Pejabat Daerah Temburong.

Acara dimulakan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Imam Balai Ibadat Kampung Sibut, Awang Khirolrizan bin Ibrahim, diikuti dengan taklimat yang disampaikan oleh Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Kunjungi BIFS 2019, 23 Oktober



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak (tengah) ketika menjelaskan pada Sidang Media BIFS 2019 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP (kiri). Sementara gambar kanan, antara ejen-ejen pelancongan, perhotelan dan lain-lain ketika hadir pada Sidang Media tersebut.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Brunei International Flower Show (BIFS) 2019 bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang akan diadakan bermula pada Rabu, 23 Oktober hingga Ahad, 27 Oktober 2019, bertempat di Rimba Garden Central (RGC), Pusat Urusniaga Hortikultur, Kampung Rimba, Gadong.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak semasa Sidang Media BIFS 2019 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini.

BIFS 2019, tambahnya, adalah merupakan salah satu inisiatif pihak KSSUP melalui gabungan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang dihasratkan akan diadakan pada setiap bulan Oktober dan akan dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalendar pelancongan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya lagi, BIFS 2019 akan dimuatkan dengan berbagai pameran bunga-bunga hidup, tanaman-tanaman hiasan, reka bentuk landskap di samping juga gerai-gerai jualan bunga-bunga dan tanaman hiasan yang mana dihasratkan akan dapat mempromosikan lagi industri florikultur di Negara Brunei Darussalam.

Pameran-pameran dan gerai-gerai jualan bunga-bunga dan tanaman hiasan semasa acara

BIFS 2019 itu nanti, jelasnya, akan diadakan selama lima hari berturut-turut bermula 23 Oktober 2019 hingga 27 Oktober 2019.

Tema bagi BIFS 2019 ujananya ialah 'Brunei in Bloom' dengan objektif utama acara ialah meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam dengan mewujudkan serta menambah daya tarikan produk-produk pelancongan, termasuklah acara-acara pelancongan (*tourism events*) yang baharu, iaitu sebagai sebahagian daripada produk pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Exhibition).

Selain itu, katanya, bagi mempamerkan dan mempromosikan industri florikultur Negara Brunei Darussalam dan juga membantu dalam meningkatkan lagi

keluaran hasil-hasil daripada industri florikultur supaya dapat menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, Negara Brunei Darussalam, selain mengembang luaskan peluang-peluang pasaran termasuk menggalakkan *business matching* di antara pengusaha-pengusaha termasuk dengan pengusaha-pengusaha dari luar negara.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke BIFS 2019, yang mana bermula jam 2.00 petang hingga 9.00 malam pada Rabu, 23 Oktober, dan pada jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam pada Khamis, 24 Oktober hingga Ahad, 27 Oktober 2019.

Maklumat lanjut mengenai BIFS 2019 bolehlah diperoleh melalui laman sesawang www.bruneitourism.com/bifs2019.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohamad Ali selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja BIFS 2019, dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat selaku Jawatankuasa BIFS 2019 serta Event Partners, Event Sponsors and Supporters, ejen-ejen pelancongan, perhotelan dan Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Barigakan peranan perancangan bandar

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancang Bandar
dan Desa

KUALA BELAIT, Sabtu, 5 Oktober. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengadakan Jerayawara Pelan Pembangunan dan Kawalan Kemajuan Daerah Belait di Dewan Bandaran Kuala Belait dengan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi.

Jerayawara tersebut merupakan salah satu inisiatif jabatan berkenaan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai pentingnya peranan perancangan bandar dalam pembangunan negara, selain sebagai salah satu platform bagi memaklumkan jerayawara dalam menghadapi permohonan kemajuan di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, jerayawara juga memberikan peluang kepada orang ramai, khususnya penduduk Daerah Belait untuk memberikan sebarang cadangan, komen dan pendapat mengenai dengan perancangan bandar di kawasan mereka.

Acara utama jerayawara berkenaan adalah sesi Taklimat Pelan Daerah Belait, Pameran Perancangan Bandar dan Desa dan aktiviti interaktif bersama penuntut Sekolah Menengah Sayidina Ali, Kuala Belait.

Pameran yang disediakan memaparkan makluman mengenai perancangan guna tanah, pusat pertumbuhan dan cadangan projek-projek di bawah Pelan




AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput; dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin, antara yang hadir pada Jerayawara Pelan Pembangunan dan Kawalan Kemajuan Daerah Belait. Juga hadir, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi.

Daerah Belait 2006 - 2025, tatacara permohonan kemajuan dan garis panduan perancangan yang diguna pakai oleh pihak jabatan.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia,

Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; pegawai dan kakitangan dari agensi kerajaan dan swasta, penghulu-penghulu serta ketua-ketua kampung di daerah ini.

AKTIVITI interaktif bersama para penuntut Sekolah Menengah Sayidina Ali, Kuala Belait mengisi Taklimat Pelan Daerah Belait dan Pameran Perancangan Bandar dan Desa.



Meningkatkan pengetahuan urus kewangan tabung masjid



TAKLIMAT bagi Peraturan Kewangan Tabung Masjid disampaikan oleh Ketua Bahagian Idarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu (kanan), manakala Taklimat Prosedur-prosedur dan Tatacara Pengurusan Kewangan Tabung Masjid disampaikan oleh Penolong Pegawai Kerja Tingkat I, Awang Mohammad Jamaluddin bin Haji Jaya.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

BANGAR, Sabtu, 5 Oktober. - Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Idarah mengadakan Bengkel Pengurusan Kewangan Tabung Masjid bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Peserta bengkel terdiri daripada kalangan Pegawai-pegawai Masjid dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir (AJK) Masjid yang menjawat jawatan Pengerusi, Bendahari, Penolong Bendahari dan Pemeriksa Kira-kira serta yang

menangani hal ehwal pengurusan kewangan tabung masjid di masjid, surau dan balai ibadat, Daerah Temburong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, seterusnya Taklimat bagi Peraturan Kewangan Tabung Masjid, disampaikan oleh Ketua Bahagian Idarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu, manakala Taklimat Prosedur-prosedur dan Tatacara Pengurusan Kewangan Tabung Masjid disampaikan oleh Penolong Pegawai Kerja Tingkat I,



PARA peserta bengkel yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Masjid dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Awang Mohammad Jamaluddin bin Haji Jaya.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan Pegawai Masjid dan AJK Takmir Masjid mengenai peraturan-peraturan kewangan yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam, khususnya peraturan Cara-cara Melaksanakan Peraturan Kewangan Masjid-masjid Negara Brunei Darussalam 1408/1988 dan Aturan-aturan

Pengurusan dan Pentadbiran Wang Masjid, 2012.

Melalui bengkel ini juga dihasratkan dapat menyelaraskan peraturan, menambah baik prosedur, borang-borang dan amalan-amalan baik dalam pengurusan kewangan tabung masjid agar ianya lebih efisien dan teratur, khususnya kepada para peserta dan seterusnya meningkatkan kepentingan dan kesedaran di dalam penyediaan

laporan penyata kewangan tabung masjid agar ia lebih teratur dan selaras dengan peraturan.

Pengurusan Kewangan Tabung di seluruh masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam adalah satu tanggungjawab yang penting di dalam memastikan keutuhan, kestabilan dan kemampuan kewangan sesebuah masjid, surau dan balai ibadat.

Komited kukuhkan hubungan ketenteraan

JAKARTA, Sabtu, 5 Oktober. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud telah menghadiri Upacara Peringatan Hari Ulang Tahun Tentara Nasional Indonesia (TNI) yang ke-74 bertempat di

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

Pangkalan Tentara Nasional Indonesia - Angkatan Udara Halim Perdanakusuma, Jakarta, Republik Indonesia.

Upacara tersebut telah dihadiri

oleh Presiden Republik Indonesia Joko Widodo. Sambutan yang ke-74 ini mencerminkan perkembangan dan pencapaian TNI yang berterusan dalam mempertahankan negara.

ABDB dan TNI terus komited dalam mengukuhkan hubungan ketenteraan di pelbagai kepentingan bersama di samping menjaga keamanan dan kestabilan serantau.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud menghadiri Upacara Peringatan Hari Ulang Tahun Tentara Nasional Indonesia (TNI) Ke-74 di Jakarta, Republik Indonesia.

Pertandingan Lukisan Antarabangsa India kini dibukakan

Siaran Akhbar dan Poster :
Suruhanjaya Tinggi India di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Gandhi @ 150, Majlis Hubungan Kebudayaan India (ICCR), New Delhi telah melancarkan 'World of Mahatma Gandhi' iaitu Pertandingan Lukisan Antarabangsa dalam talian yang dibukakan untuk kanak-kanak dan golongan belia di seluruh dunia yang berumur dari 10 hingga 19 tahun.


Pertandingan yang diadakan dengan kerjasama Khula Asmaan dari Yayasan Seni India tersebut bertujuan untuk menghubungkan para peserta dengan kehidupan dan semangat Mahatma Gandhi.

Tiada yuran penyertaan dikenakan dan tarikh tutup menghantar penyertaan ialah 30 Januari 2020.

Lukisan pemenang akan dipamerkan dalam Pameran Khas yang akan diadakan pada musim panas 2020.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.indiaart.com.

"World of Mahatma Gandhi"
International Painting Competition

jointly organised by

Khula Aasmaan®
platform for creative expression by
children and young adults

भारतीय सांस्कृतिक सम्बंध परिषद्
INDIAN COUNCIL FOR CULTURAL RELATIONS

Contest Details

24 x 7 Online Submission | No entry fee

Contest opens on 2nd October 2019

Contest closes on 30th January 2020

- Who can participate -

Children and young adults of all nationalities between 10 to 19 years are invited to participate.

Prize winning and other select artworks will be exhibited in special exhibitions starting summer of 2020.

www.indiaart.com

Tel & WhatsApp : +91 - 9325530547

Email : indiaart.khula.aasmaan@gmail.com | dg.iccr@mea.gov.in

 indiaart
  indiaartonline
  indiaartgallery
  ICCR_Delhi
  ICCROfficial

60 delegasi sertai APCVC

BERAKAS, Sabtu, 5 Oktober. - Seramai 60 delegasi menyertai Persidangan Sukarelawan Komuniti Asia Pasifik (AP CVC) yang berlangsung selama dua hari, bermula hari ini di Permai Boardroom, Aman Hills Hotel.

Persidangan anjuran Jawatankuasa Komuniti Asia Pasifik (CC - AP) itu disertai delegasi dari United Kingdom, Amerika Syarikat, New Zealand, Eropah, Asia Selatan, Singapura, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Bertemakan 'Membina Rantau Lebih Baik bagi Hari Esok', persidangan tersebut antaranya membentangkan mengenai kaedah terbaik, produk dan perkhidmatan dan juga sesi perkongsian serta perbincangan mengenai topik berkaitan Rangkaian Tempatan di rantau ini.

Antara tujuan persidangan tersebut adalah bagi memaklumkan para sukarelawan mengenai perkembangan terkini Institut Kejuruteraan dan Teknologi (IET) serta memberi inspirasi kepada para sukarelawan untuk mengongsikan pengalaman, kaedah terbaik dan kejayaan mereka.

Persidangan tersebut dihasratkan agar dapat menangani keperluan Rangkaian Tempatan di rantau ini.

IET adalah salah satu pertubuhan profesional terkemuka di dunia bagi komuniti sains, kejuruteraan dan teknologi yang ditubuhkan pada tahun 2006.

IET mempunyai lebih 150,000 ahli dari 127 negara dan pejabat di Eropah, Amerika Utara dan Asia Pasifik.

Sebagai sebahagian rangkaian profesional tersebut, IET Brunei Darussalam menetapkan visinya dalam mengongsikan dan memajukan pengetahuan seluruh komuniti Sains, Kejuruteraan dan Teknologi global yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Sementara itu, CC - AP



DR. Siong Tang dari Negara Brunei Darussalam mempengerusikan Persidangan Sukarelawan Komuniti Asia Pasifik (AP CVC) yang berlangsung selama dua hari di Permai Boardroom, Aman Hills Hotel.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

mengawasi Rangkaian Tempatan di rantau Asia Pasifik; termasuk Australia, Brunei, China, Hong Kong, Jepun dan New Zealand.

CC - AP pada masa ini

dipengerusikan oleh Dr. Siong Tang dari Negara Brunei Darussalam.

Tahun ini merupakan kali kelima persidangan tersebut diadakan di rantau Asia Pasifik.



ANTARA delegasi dari United Kingdom, Amerika Syarikat, New Zealand, Eropah, Asia Selatan, Singapura, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam yang menyertai AP CVC.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Oktober. - Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura - Brunei (SBYLEP) memberi ruang kepada para

PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Maiddin bin Pengiran Haji Said (kanan) menyampaikan cenderamata kepada peserta Program SBYLEP.



PARA belia dari Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam yang menyertai Program SBYLEP hadir pada Majlis Penutup program tersebut yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Kampung Sungai Belukut.

SBYLEP peluang berkongsi maklumat dalam keusahawanan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

pesertanya berkongsi maklumat mengenai penemuan para belia dalam keusahawanan, keluarga dan alam sekitar berdasarkan pengalaman mereka melalui sesi interaktif dengan profesional tempatan dalam bidang-bidang tertentu.

Sehubungan itu, perkongsian bagi tujuan tersebut diadakan pada Sesi Refleksi pada Majlis Penutup program yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Kampung Sungai Belukut.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Program dijalankan selama tujuh hari yang melibatkan 30 pemimpin belia bertujuan bagi meningkatkan hubungan masing-masing di kalangan ahli-ahli profesional negara yang semakin meningkat.

Seramai 15 belia Singapura dan 15 belia Brunei berpeluang untuk mengenali lebih lanjut mengenai cara kehidupan masyarakat Brunei, mengetahui beberapa tempat menarik di beberapa daerah dan juga berkesempatan berkongsi pendapat semasa sesi interaktif bersama beberapa agensi mengenai Wawasan Brunei 2035, peranan belia dalam menangani

masalah alam sekitar, serantau dan juga bagaimana untuk menghadapi cabaran dunia di masa depan dengan revolusi industri dan teknologi yang semakin canggih.

Kemuncak program kali ini adalah bertemu dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa perjumpaan ramah mesra di Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong baru-baru ini.

Program SBYLEP Kali Ke-6 yang bertemakan 'Future Youth Ready' diharap dapat meningkatkan lagi pemahaman para belia mengenai peluang dan cabaran yang akan dihadapi, serta dapat mengambil iktibar dan pengalaman-pengalaman bagi menyumbang kepada masa depan kedua-dua buah negara melalui kemajuan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Bermula di tahun 2014, program ini dianjurkan secara bergilir-gilir dengan Republik Singapura dan telah disertai oleh lebih 100 pemimpin belia terdiri dari pelbagai latar belakang dan profesi.

Penghormatan untuk mangsa Kapal Karam Australia



SETIAUSAHA Pertama Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Ms. Rie Arai dan komuniti penyelam Poni Divers hadir pada Majlis Memperingati Ulang Tahun Ke-75 Kapal Karam Australia (The Australian Wreck).

MUARA, Ahad, 6 Oktober. - Poni Divers mengadakan Memorial Dive bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-75 Kapal Karam Australia (The Australian Wreck). Acara tersebut bertujuan untuk memberikan penghormatan kepada mangsa-mangsa yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua.

Terdahulu, memorial berkenaan

dirasmikan oleh Pengarah Urusan Poni Divers, Awang Mohd. Tashin Wong Abdullah pada majlis yang berlangsung Kompleks Sukan Air Serasa, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Pertama Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Ms. Rie Arai dan komuniti penyelam Poni Divers.

Kapal Karam Australia adalah

salah satu kapal karam ikonik di negara ini dan lokasi bangkai kapal karam tersebut dapat diakses dengan menggunakan bot laju selama 40 minit dari Pusat Menyelam Poni Divers.

Kapal tersebut dibina pada tahun 1900 di Amsterdam, Belanda dan dikenali sebagai S.S. De Klerk.

Ia merupakan sebuah kapal kargo penumpang biasa yang dikendalikan oleh bangsa Belanda dan menjalani pelayaran di antara pulau-pulau di Indonesia, Asia Tenggara dan Australia.

Walau bagaimanapun pada tahun 1942, kapal itu diambil alih oleh Tentera Laut Diraja Belanda di Cilacap, Indonesia untuk ditukar menjadi kapal tentera.

Semasa penjajahan Jepun, Kapal S.S. De Klerk diambil alih oleh tentera Jepun dan dinamakan sebagai 'Imaji Maru'.

Pada 16 September 1944, Kapal 'Imaji Maru' karam semasa dalam perjalanan dari Singapura ke Manila, Filipina dengan membawa 1,210 penumpang.

Seramai 339 penumpang terkorban pada insiden tersebut, di mana kebanyakannya terdiri daripada tahanan perang yang dirantai di dalam kargo.

Sehingga kini, tiada sumber sahih yang dapat memastikan punca sebenar kapal tersebut karam.

Poni Divers menjadi hos kepada ribuan penyelam dari seluruh dunia, termasuk CNN, Korean Broadcasting Centre, National Geographic dan para jurugambar

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dasar laut terkenal seperti Peter Collings, Nul Ng, dan terkini, Ram Yoro yang akan menerbitkan buku mengenai kapal karam di negara ini pada tahun hadapan.

Terdapat lebih daripada 30 kapal karam berada di dasar laut Brunei,

di mana para penyelam berkesempatan untuk menemui dan melihat pelbagai karang berwarna warni dan kehidupan laut bersama kapal karam berkenaan, yang sebahagian besarnya masih utuh.



PENGARAH Urusan Poni Divers, Awang Mohd. Tashin Wong Abdullah merasmikan Memorial Dive yang berlangsung di Kompleks Sukan Air Serasa.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa berucap pada Majlis Pembubaran dan Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie bagi Sesi 2019 / 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Oktober. - Pelbagai cabaran maklumat serta ajaran yang tidak sesuai untuk diikuti melalui media sosial boleh saja memesongkan fahaman belia.

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyatakan perkara itu pada Majlis Pembubaran dan Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie bagi Sesi 2019 / 2021 yang berlangsung di Dewan Persidangan PDI, Kampung Pulaie, di sini.

Menurutnya, Belia Da'ie sewajarnya mengambil peranan dalam mendepani hal-hal yang sedemikian agar ajaran yang tidak sesuai itu dapat dibendung dan ditangani dengan sebaiknya, begitu juga gejala yang tidak bermoral dalam kalangan belia seperti penyalahgunaan dadah, mencuri, yang menjadi isu belia, akan dapat membantu pihak-pihak kerajaan dan NGOs melalui kegiatan-kegiatan Belia Da'ie ini.

"Belia Da'ie terus bergerak ke hadapan bagi menyumbang jasa mereka dalam bidang dakwah, dalam mendepani masyarakat, khususnya belia masa kini dan akan datang sentiasa dibimbing mengikut lunas-lunas serta ajaran agama dan amanah yang betul

Tangani ajaran memesongkan melalui media sosial



PENGERUSI Belia Da'ie baharu bagi Sesi 2019 / 2021, Awang Mohammad Fikri Fathuddin bin Assokan mengetuai bacaan ikrar pada Majlis Pembubaran dan Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie bagi Sesi 2019 / 2021.

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

menurut Ahli Sunnah Waljamaah," ujar Pengarah PDI selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis tersebut menyaksikan penyerahan fail Belia Da'ie kepada Pengerusi Baharu Belia Da'ie Sesi 2019 / 2021, Awang Mohammad Fikri Fathuddin bin Assokan.

Majlis diteruskan dengan Pembubaran AJK Belia Da'ie Sesi 2017 / 2019 dengan penyerahan sijil penghargaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat yang juga berkesudian untuk menyampaikan surat pelantikan baharu Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie sesi 2019 / 2021.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pengerusi Belia Da'ie Sesi 2019 / 2021 yang seterusnya mengetuai bacaan ikrar.

Bagi mengenali personaliti dan tingkah laku para ahli, satu Personality Test Workshop telah

dikendalikan oleh Alumni Universiti Brunei Darussalam, bertujuan untuk saling mengenali dan memudahkan urusan dan menjalinkan kerjasama di antara ahli-ahli. Terdahulu, satu kursus motivasi bertajuk 'Why am I here' oleh Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Ummi Faizah binti Haji Abdul Rahman telah diadakan sempena Minggu Ta'aruf Belia Da'ie.

Antara objektif kursus tersebut diadakan adalah untuk merealisasikan asas perpaduan dalam kalangan AJK melalui konsep 3S iaitu, saling mengenali, saling menolong dan saling memahami tetapi pada masa yang sama tetap menjaga ikhtilat, memberi suntikan motivasi dalam melaksanakan tugas dakwah agar lebih efisien dan dinamik serta membentuk da'ie yang berkepimpinan dan berkebolehan tinggi serta berdisiplin.

Saksikan Teater Muzikal 'Kastela', 12 - 13 Oktober



PENGARAH Produksi dan Pengarah Bersama, Qayyimah Bazilah (kiri), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sutera Momento, Dayang Hajah Kartini Dewi binti Abdullah (tengah) dan Pengarah Operasi dan Kewangan juga Pengarah Bersama, Bazilah Ali (kanan) semasa Sidang Media tersebut.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Ahad, 6 Oktober. - Sutera Momento buat julung kalinya akan mengadakan Persembahan Teater Muzikal Orkestra Sejarah Brunei 'Kastela' di Dewan Indah, Peak Performance Sendirian Berhad, Royal Brunei Recreational Club (RBRC), di sini.

Persembahan teater tersebut akan berlangsung pada 12 dan 13 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sutera Momento, Dayang Hajah Kartini Dewi binti Abdullah mengumumkan perkara tersebut pada Sidang Media di Dewan Sejahtera, RBRC.

Sementara itu, Pengarah Produksi dan Pengarah Bersama Kastela, Dayang Qayyimah Bazilah berkata, persembahan teater tersebut mengisahkan tentang peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di negara ini pada abad ke-16, iaitu Perang Kastela.

"Teater Kastela berpusatkan kepada kehidupan masyarakat bangsawan pada zaman tersebut. Kami juga memfokuskan kepada kehidupan individu, juga mengenai cinta dan kesetiaan kepada negara.

"Scrip teater ini ditulis oleh CEO Sutera Momento sendiri dan berasaskan fakta, di mana kami terlebih dahulu membuat kajian mengenai peristiwa berkenaan," katanya.

Selain itu jelasnya, Pameran 'Brunei Classical Corner' juga akan diadakan semasa hari persembahan tersebut menempatkan vendor dan petak pameran yang menjual makanan juga barangan tradisional.

Tiket bagi persembahan teater berkenaan dijual pada harga BND40 untuk tempat duduk barisan hadapan dan BND30 bagi tempat duduk barisan tengah dan belakang.

Manakala, bagi pembelian berkumpulan seramai lima orang pula akan diberikan harga BND135 sahaja bagi tiket BND30; dan BND185 sahaja bagi tiket BND40.

Tempat duduk hanya terhad kepada 100 orang sahaja. Orang ramai yang berminat, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 7108960.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2019
2. 'Penhijrahan Minda Masyarakat Ke Arah Masyarakat Dinamik, Berdaya Tahan Dan Berdikari'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2019
3. 'Taat Kepada Ibu Bapa Asas Kebahagiaan'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2019

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelatih BFI jalani latihan di INSTEP Petronas

Berita dan Foto :
 Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Brunei Fertilizer Industries (BFI) Sdn. Bhd. telah memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Petronas Technical Training Sdn. Bhd., Malaysia pada 14 September lalu untuk memberikan latihan kepada pelatih-pelatih BFI dalam bidang-bidang berkaitan.

Susulan daripada perjanjian tersebut, seramai 74 pelatih BFI yang sedang menjalani latihan pengendalian dan penyelenggaraan meninggalkan negara ini bagi melanjutkan latihan dan pendedahan di Institut Teknologi Petroleum (INSTEP) Petronas di Terengganu, Malaysia.

Mengucapkan selamat belayar kepada rombongan itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini ialah Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Mohammed S. Baderkhan dan pengurus-

pengurus BFI serta kaum keluarga peserta.

Rombongan tersebut merupakan kumpulan pertama dari sejumlah 169 pelatih dan akan menjalani latihan lanjutan selama tiga hingga empat bulan di INSTEP serta mendapatkan pendedahan dan pengalaman pekerjaan melalui latihan sementara pekerjaan di loji-loji Ammonia dan Urea di sana nanti.

Setelah selesai menjalani latihan tersebut, para pelatih berkenaan akan ditawarkan pekerjaan tetap dengan BFI untuk mengendalikan Loji Ammonia dan Urea yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2021 nanti.

MoU Latihan Pengendalian dan Penyelenggaraan yang dimeterai baru-baru ini merangkumi pelbagai bidang, antaranya makmal, operasi, mekanikal, elektrik dan juga instrumentasi.

Dua karya sastera dibedah



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak (dua, kiri) hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
 Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Sabtu, 5 Oktober. - Pantaran Sastera merupakan salah satu jenama kegiatan sastera Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang diselenggarakan oleh Bahagian Sastera dan Majalah.

Projek tersebut menjadi tanda aras sastera Negara Brunei Darussalam dan medan perkumpulan penulis / penggiat seni sastera tempatan sebagai

tempat pertemuan penulis / penggiat seni sastera.

Kali ini, Pantaran Sastera DBP 2019 menganjurkan Bedah Karya terhadap dua buah karya sastera terbitan DBP, iaitu Kumpulan Cerpen Exotis hasil karya H.Mar dan Fiksi Mini 16:60 hasil karya Haji Morsidi Haji Marsal yang mengambil tempat di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Karya-karya tersebut diulas dan dibincangkan secara analitis oleh dua orang pembicara karya terdiri daripada Dr. Purdano bin Binchin dan Awang Haji Kamis bin Tuah yang merupakan pakar, pengkaji dan penyelidik sastera.

Kumpulan cerpen Exotis memaparkan 30 buah cerpen yang dihasilkan antara tahun 1990 hingga tahun 2016, yang mengisahkan tentang satu igauan dan mimpi manusia dalam melihat keanehan yang melahirkan keindahan, yang mana manusia tertarik dengan keindahan kerana terdapat pelbagai kehidupan namun manusia juga ditarik oleh keindahan sehingga kehilangan sejarah dirinya sebagai manusia.

Sementara Fiksi Mini 16:60 pula mengandungi 101 jenis cerita yang menarik dan bermoral dan merupakan sejenis koleksi Fiksi Mini yang dihasilkan selepas projek 365 (tahun 2012 - 2013).

Fiksi Mini 16:60 ini berbentuk *absurd* yang berkontradiksi dengan pemikiran waras dan disampaikan dengan teknik penulisan yang bernaunsa, kreatif dan inovatif.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Bedah Karya selain bertujuan untuk mengapresiasi, evaluasi dan mendalami sesebuah karya itu, ia juga untuk mengenalkan dan mengangkat penulis dan karyanya kepada masyarakat.



ROMBONGAN pelatih Brunei Fertilizer Industries yang melanjutkan latihan dan pendedahan di Institut Teknologi Petroleum (INSTEP) Petronas, Terengganu semasa bergambar ramai.

HALUAN

Lestarikan nilai ibadat haji dalam kehidupan

Dari muka 2

Di kesempatan ini, peramba / saya juga ingin menyampaikan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai-pegawai Pejabat Urusan Haji Pentadbiran, Pegawai-pegawai Pejabat Urusan Haji Perubatan dan pegawai-pegawai dari Syarikat Pengendali Perkhidmatan Haji, Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad, Raudah Al-Amin Sendirian Berhad dan At-Taqwa Travel & Tours Sendirian Berhad di atas kecekapan dan kewibawaan abiskita semua dalam mengurus tadbir dan mengendalikan jemaah haji negara pada tahun ini. Peramba / saya percaya kejayaan ini adalah kejayaan bersama, hasil sokongan dan dukungan dari semua pihak yang terlibat serta doa semua

para jemaah haji jua. Apa yang diharapkan abiskita akan terus beriltizam dan istiqamah untuk terus meningkatkan mutu kerja (pengurusan) terutama dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini sebaik-baiknya di masa-masa mendatang.

Satu perkara juga yang sangat penting untuk kitani semua memberikan setinggi-tinggi penghargaan ialah persediaan yang telah diusahakan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memberikan kefahaman serta ilmu berkenaan ibadat haji kepada bakal jemaah. Iaitu dengan mengambil inisiatif menganjurkan kursus ibadat haji setiap tahun sama ada sebelum berangkat dan ketika berada di tanah suci bagi memberi ilmu serta pendedahan berkenaan ibadat haji kepada para jemaah haji agar bakal akan lebih bersedia dari segi kefahaman

ibadat, tuntutan fizikal dan persediaan rohani ketika menunaikan ibadat haji.

Alhamdulillah hasil daripada kursus yang diadakan itu, ia telah melahirkan jemaah haji berpengetahuan, berakhlak mulia, berdisiplin serta bersopan santun dan dapat melakukan ibadat dan manasik haji dengan baik tanpa menimbulkan banyak masalah. Oleh itu, peramba / saya berharap agar jemaah haji terus kekalkan niat yang betul, disiplinkan diri sampai bila-bila dan di mana saja berada.

Di kesempatan ini juga, peramba / saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan dan kecemerlangan empat syarikat pengendali haji tahun ini yang sebentar lagi akan menerima sijil penghargaan. Peramba / saya ingin berseru kepada semua Syarikat Operator Haji yang telah diberi kepercayaan mengendalikan perkhidmatan haji dan

umrah agar dapat memberikan komitmen yang padu lagi telus dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua dengan mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan mengendalikan perkhidmatan pakej Haji yang telah ditetapkan dan seterusnya meningkatkan keprihatinan dan pemberian perkhidmatan dengan penuh hikmah terhadap para jemaah yang berurusan dengan syarikat masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba / saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur dan semoga Majlis Perhimpunan ini menjadi wadah bagi kita meningkatkan keberkesanan pengurusan haji di Negara Brunei Darussalam di masa akan datang.

Sekian Wabilahit Taufik Walhidayah Wasallamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

IBTE adakan Jerayawara Bimbingan Kerja



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli hadir selaku tetamu kehormat seterusnya berucap pada Jerayawara Bimbingan Kerja, khusus bagi bakal-bakal graduan yang akan menamatkan pengajian dan menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Siaran Akhbar dan Foto :
Institut Pendidikan Teknikal Brunei

bakal-bakal graduan yang akan menamatkan pengajian dan menerima sijil masing-masing pada majlis konvokesyen hujung bulan ini.

Acara sehari yang berlangsung di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal di sini, dihadiri oleh kira-kira 50 orang bakal graduan dari IBTE School of Aviation; School of Hospitality and Tourism dan School of ICT dan diisikan dengan pelbagai aktiviti termasuk ceramah motivasi, bengkel temu duga, pengaktifan E-Darussalam dari JobCentre Brunei serta beberapa agensi lain yang terlibat.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya berucap pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli yang antara lain menyentuh mengenai empat faktor penting ke arah mempersiapkan para graduan sebelum menempuh alam pekerjaan.

Pertama, katanya, ialah memiliki kemahiran insaniah atau *soft skills* yang akan membantu mereka dalam mencari pekerjaan;

kedua, komunikasi interpersonal seperti melibatkan diri dengan kerja-kerja kesukarelawanan belia anjuran badan-badan bukan kerajaan (Ngos) termasuk belia masjid; ketiga, bersikap pro-aktif dalam memperbaiki kemahiran dan kebolehpasaran, di samping memperbaiki diri sendiri dan keempat, kepentingan doa daripada ibu bapa atau penjaga.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan daripada Pendaftar IBTE, Dayang Siti Noor Azlina binti Haji Ali Hassan.

Acara ini merupakan kali pertama diadakan sempena Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-27 2019 bagi meraikan bakal-bakal graduan IBTE yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka.

Selain itu, beberapa majlis jua akan dimuatkan sepanjang bulan ini bersempena Majlis Konvokesyen IBTE seperti Majlis Khatam Al-Quran.

Jerayawara ini akan dilaratkan ke kampus-kampus IBTE Pusat dan Satelit.

Bengkel tingkatan pengetahuan penjagaan kulit



PARA peserta Bengkel Penjagaan Kulit di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei bertemakan 'Penjagaan Kulit Untuk Belia Brunei' pada sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Ihsan Syafiq Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penjagaan kulit (*skincare*), satu bengkel mengenai dikendalikan oleh salah seorang peminat muda *skincare*, Muhammad Syafiq Hilmi bin Ahmad yang juga merupakan salah seorang peserta Program Accelerator 'Micropreneurs' (MICAPRO).

Bengkel Penjagaan Kulit selama sehari yang diadakan Jumaat lepas, 4 Oktober 2019 di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei di ibu negara bertemakan 'Penjagaan Kulit Untuk Belia Brunei' dan menyasarkan penyertaan para remaja yang ingin mempelajari lebih lanjut mengenai kepentingan penjagaan kulit.

Pada sesi sebelah pagi, seramai lima peserta menyertai bengkel penjagaan kulit, sementara 22 peserta lagi mengikuti bengkel sebelah petang yang diisikan dengan sesi perbincangan dari tiga

ahli panel jemputan yang membincangkan topik-topik berkaitan pelbagai jenis kulit.

Selain meningkatkan pengetahuan mengenai cara penjagaan kulit, bengkel juga bertujuan untuk mengumpulkan pakar-pakar dan peminat penjagaan kulit di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel berkenaan merupakan salah satu projek di bawah MICAPRO dengan kerjasama Merveille Event Management.

MICAPRO adalah satu program memperkasakan keusahawanan dan inisiatif pembina usaha kecil mikro yang diketuai oleh Ms. Goh Chai Li dengan dibiayai oleh Kerajaan Amerika Syarikat dan disokong oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel tersebut turut menampilkan beberapa produk kecantikan kulit tajaan Laneige Brunei, Simply U Enterprise, Pretty Little Jars dan Shawlnbeautyhaven.

BERAKAS, Sabtu, 5 Oktober. - Bagi mempersiapkan peralihan para pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) daripada alam pendidikan ke alam pekerjaan, Pejabat Pendaftar IBTE telah mengadakan Jerayawara Bimbingan Kerja, khusus bagi

Pelajar SMSS sertai pementasan bakat tahunan

Berita dan Foto :
Aimi Sani

JERUDONG, Sabtu, 5 Oktober. - Sekolah Seri Mulia Sarjana (Seri Mulia Sarjana School - SMSS) meraikan pelajar-pelajarnya menerusi pementasan bakat tahunan 'Shine Sarjana - A Celebration of Learning' berlangsung di Jerudong Park Ampiteater, di sini.

Hadir pada acara tersebut ialah Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang dan Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Khairul Azmi bin Haji Lakat.

Turut hadir ialah Pengasas dan Pengarah Urusan SMSS, Dr. Mary Lim.

Lebih 700 peserta terdiri daripada penuntut-penuntut tadika, sekolah rendah dan menengah menyertai pementasan tersebut.

Pada sebelah pagi, seramai 262 orang penuntut yang mendapat keputusan cemerlang dalam Pertandingan Lukisan dan Kaligrafi Belia Hua Xia telah



KETUA Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang (empat, kanan) dan Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Khairul Azmi bin Haji Lakat bersama Pengasas dan Pengarah Urusan SMSS, Dr. Mary Lim pada pementasan bakat tahunan 'Shine Sarjana - A Celebration of Learning' daripada para penuntut Sekolah Seri Mulia Sarjana (Seri Mulia Sarjana School - SMSS).

diberikan pingat emas, perak dan gangsa bagi memberi penghormatan atas kreativiti dan

inovatif para pelajar dalam mengungkapkan idea-idea mereka melalui pertandingan ini.

Sementara itu pada sebelah petang, para pelajar yang mengikuti kelab CCA dan ECA juga berpeluang untuk menyerlahkan bakat mereka melalui nyanyian, lakonan dan juga tarian.

Acara seumpama ini dihasratkan dapat mempelbagaikan kemahiran dan membantu perkembangan potensi diri para pelajar, seperti kemahiran berkomunikasi dan semangat belajar yang tinggi selain meningkatkan keyakinan diri para pelajar dalam menyerlahkan bakat masing-masing.



PARA penuntut SMSS yang terlibat pada pementasan bakat tahunan 'Shine Sarjana - A Celebration of Learning' berkenaan.



عالم قبور تمقت فرهنتين اتو فرسيغكهن أخيرة يغ قرتام

قبور نني. اقبيل جسد سسورغ ايت تله دسماديكن ددالم قبور، تيغكل له اي سسورغ ديري ددالمن تنقا كلوارك، تنقا نمن، تنقا هرتا دان يغ تيغكل برسامن هايله عمالن صالح سرت كاين فوتييه سباكي فمبالوت بدان. درقد انس بن مالك رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا:

يَنْبَغُ الْمَيِّتَ ثَلَاثًا، فَيَرْجِعُ اثْنَانِ وَيَبْقَى وَاحِدٌ : يَنْبَغُهُ أَهْلُهُ وَمَأَلُهُ وَعَمَلُهُ، فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَأَلُهُ، وَيَبْقَى عَمَلُهُ {رواه الإمام الترمذي}

مقصودن:

يغ مغايكوت ميت ايت اد تيك، لالو دوا قولغ دان تيغكل ساتو سهاج يغ ككل برسامن. اي دايكوت اوله كلواركن، هرتان دان عمالن. لالو كلوارك دان هرتان قولغ دان يغ تيغكل برسام-سامن اياه عمالن.

كتهيله، تردافة براف عمل صالح دان عمل كيجيقن يغ دافة مبيتو سسورغ ايت اتوق تروس مقراوليهي فهلا والوفون اي تله مينيغل دنيا. سباكيما حديث يغ تله دروايتكن اوله ايم اين ماجه، درقد ابو هريه رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: سسغكهن تردافة انتارا عمل كيايكن يغ فهلان تروس دقراولييهي اوله سسورغ مؤمن يغ تله مينيغل دنيا بايت علم يغ داجاركن كتيك هيدوف اتو تردافة سسورغ اتق صالح يغ دتيغكلكن (كيايكن يغ ديوات اوله انقن يغ صالح فهلان سمقي كقد اورغ توان يغ تله مندبيدقن تنقا مغورغنن فهلا يغ دترما اوله اتق-انقن) اتو سبواه مُصْحَفُ (القرآن) يغ دوققن اتو سبواه مسجد يغ تله دينان اتو دي اد مينيغلكن سبواه رومه ريحة اتوق اورغ ٢ مسافر اتو دي اد مينيغلكن سبواه سوغني يغ ايرن سستياس مغالو اتو اد صدقه يغ دكلواركن دري حاصل هرتان سمس دي صيحة دوقت هيدوقن، ملك سموا فهلا ٢ اين اكن برتروسن سمقي كقدن سلس اي مينيغل دنيا.

سسغكهن ماتي ايت بنر، ماسوق كدالم عالم قبور ايت بنر، قرتاين ملائكة منكر دان ملائكة نكير ايت بنر، مبشر الله ايت بنر، ميزان الله ايت بنر، شرك دان نراك الله سبحانه وتعالى ايت بنر. اوله ايت، سلوم برجران روح دري بدان دان سلوم جسد داسوغ كانه قريورن اتوق دسماديكن. سام-له كيت محاسبه ديري، اذكه عمل عبادة كيت سوده منجوكوي اتوقن تيدق. اوله ايت، منتقنله ديري كيت دغن ايمان دان تقوى. اين كران ددالم لياغ قبور يغ كلف دان سمقيت ايت نني سكل فغكة كيسران، درجة، هرتا ندا دان كيايكن تيدق قرنه منجادي ساتو اوكورن دان جامينن اتوق ماسوقي شرك الله سبحانه وتعالى.

سدرله واهي قوم مسلمين، بهوا عالم قبور ايت سستياس ميوكا فيتنون منتني كداتقن كيت. اوله ايت، ماريله كيت سستياس مفرسيغكهن ديري دغن مقرباق عمل عبادة دان عمل كيجيقن كران عمان ٢ دنيا اينله يغ اكن منتون سمد كيت اكن براوله نعمة دان رحمة الله سبحانه وتعالى اتوقن عذاب دان سيقسا دعالم قبور دان جوك دهاري كندبلا كلق. مدهمداهن دغن عمالن صالح دان عمل كيجيقن يغ كيت لاكوكن دنيا اين، كيت اكن مقراوليهي رحمة دان فرليندوغن الله سبحانه وتعالى دري عذاب نراك جهنم، دري عذاب قبور، دري فته كتيك هيدوف دان ستله ماتي دان دري كهاهن فته دجال. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ
{سورة الحشر آية : ١٨}

تفسير:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان! برتقوى له كقد الله دان هندقله ستيف اورغ برمايتكن اف يغ تله دسدياكن اتوق هاري لسوق (هاري أخيرة) دان برتقوى له كقد الله. سسغكهن الله مها تليتي ترهاتف اف يغ كامو كرجاكن.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَلَقَدْ بَلَّغَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَالْبَيِّنَاتِ الْحَكِيمِ، وَتَقَلَّلَ مِنَّا بَلَاؤَهُ إِنَّهُ هُوَ الشَّيْخُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحَمْدِ التَّائِبِينَ.

رسول الله ﷺ منوغوقن إشارة دغن جارين سميل ماسوقن سباكين جاري كدالم سباكين يغ لاي. بكتدا برسيدا لاكي: دان الله مهنو كقدن سميلن قولوه لايكور اولر اتو سميلن قولوه سميلن، جك ستيكور درقدن ميوقن (راجونن) ديومي نسحاي تيدق اكن توميوه ساتو توميوه قون

سلاكي دنيا اين ماسيه اد. لالو اولر ايت ماموقن برتروسن سهيغكاه اي دهاوا اتوق دحساب. رسول الله ﷺ ميوونن لاكي: سسغكهن قبور ايت اداله ساتو تامن دري براف تامن شرك اتو ساتو لوبغ درقد براف لوبغ نراك. {حديث رواية إمام ترمذي}

اقبيل ميت سسورغ ايت تله دماسوقن كدالم قبور دان أهل كلواركن تله برابدر مينيغلكن، ملك داتقله دوا ملائكة بايت ملائكة منكر دان ملائكة نكير لالو مندودوقنن دان ميوال براف سوالن. سسياف يغ برجاي دالم اوجين اين اكن منرما نعمة قبور، انتاران: دبتنغن همقران دري شرك، دفاكيكن فكاين دري شرك، ديوكاكن فيتنو منوجو شرك، دداتقن واغي-واغن دري شرك، دلافقن قبورن سولاس توجه قولوه هستا، ديريكن جهيا يغ منراغي قبورن دان تيلور دغن لبنا سهيغك هاري كيجيكن.

منكل باكي يغ كاكال قول اكن منرما عذاب قبور، انتاران: دبتنغن همقران دري نراك، دفاكيكن فكاين دري نراك، ديوكاكن فيتنو منوجو كتراك، دداتقن باهغ آفي نراك، دفوكول انتارا كدوا تليغان دان دهيمقيت بومي سهيغك رموق تولغ-مغولغن.

مسلمين يغ درحمي الله،

رسول الله ﷺ اد مغاقرن دعاء دان جارا اتوق مبيتا فرليندوغن الله سبحانه وتعالى اكر ترهيندر دان ترسلامة دري عذاب سيقسا قبور. درقد ابو هريه رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا:

إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ التَّشَهُّدِ الْآخِرِ فَلْيَتَقَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ، مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَخِيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ {رواه الإمام مسلم}

مقصودن:

جك سالة سسورغ انتارا كامو سلسي تشهذ أخير (سلوم سلام)، ميتله فرليندوغن الله دري أمقة فركارا: دري عذاب نراك جهنم، دري عذاب قبور، دري فته كتيك هيدوف دان ستله ماتي دان دري كهاهن فته دجال المسيح.

سلاين ايت، برغسياف يغ ايعين سلامة دري عذاب سيقسا قبور ملك هندقله اي سستياس منحاك سميهيغ فرض ليم وقت، مقرباق صدقه، مقرباق مباح القرعان تراؤمان مقرباقن مباح سورة الملك. سسغكهن اورغ يغ سستياس مغلعلكن مباح سورة الملك اكن مندافة شقاعة دان ترسلامة دري عذاب سيقسا قبور. درقد اين عباس رضي الله عنهما بلياو بركات، براف اورغ صحابة رسول الله ﷺ مكالتي تانه تنشا ميداري بهوا تانه ايت اداله سبواه قبور. لالو مريك مندافي بهوا ددالمن اد سسورغ للاكي مباح سورة الملك سهيغك ختم. لتس مريك منموي رسول الله ﷺ لالو بركات:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي صَرَبْتُ خِيَابِي عَلَى قَبْرِ وَأَنَا لَا أَحْسِبُ أَنَّهُ قَبْرٌ، فَإِذَا فِيهِ إِنْسَانٌ يَقْرَأُ سُورَةَ تَبَارَكَ الْمَلِكُ حَتَّى خَتَمَهَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هِيَ الْمَنَافَةُ، هِيَ الْمُنْجِيَةُ، تُنْجِيهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ {رواه الإمام ترمذي}

مقصودن:

يا رسول الله، سسغكهن اكر مكالتي تانه تنقا اكر ميكا ايت اداله قبور، دان اكر دافني بهوا سسورغ للاكي مباح سورة الملك سهيغك ختم. ملك جواب بكتدا ﷺ، سورة ترسيوت اداله فكه، فيلامه يغ مهلامتن توانن دري

مسلمين يغ درحمي الله،

ستيف يغ بريواو فسني اكن مراسائي ماتي دان تباد سسياف قون يغ دافة لاري درقدن. سباكي اورغ يغ برلمان، كيت هندقله سستياس برسيدا دان مفرسيغكهن ديري دغن مقرباق عمل ٢ صالح دان عمل ٢ كيجيقن. اين كران عمالن كيت اداله ساتو-ساتون يغ اكن ككل منمائي كيت دعالم

تيغككنله كليمانن كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن سبتر-بئر ايمان دان تقوى. سسغكهن اورغنيغ فاليغ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى اياه اورغنيغ فاليغ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ سستياس مغايغي الله سبحانه وتعالى، برأوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك دأخيرة. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة المؤمنون آية ٩٩-١٠٠:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ ﴿١٠٠﴾ لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَيُنْزِلُ اللَّهُ يَوْمَئِذٍ طَلْحًا ﴿١٠١﴾

تفسير:

سهيغك اقبيل سمقي اجل كقد سسورغ درقد مريك، دي بركات: "يا ترهكوا كميالقله اكو (كدنيا). "سقاى اكو دافة مفرجاكن عمالن صالح يغ اكو تله تيغكلكن. "تيدق سكال-كالي! سسغكهن ايت هايله كات ٢ يغ داوجفكهن سهاج سدغ دعدافن مريك اد برزخ (فنديغ يغ مغلغل مريك درقد كميالي كدنيا) هيغك هاري مريك ديجيكتن (هيدوف ميوال)."

ستيف مانسي فسني اكن ملالوي عالم روح، عالم رجم، عالم دنيا، عالم برزخ دان عالم أخيرة. اوله ايت، اقبيل پاوا تله برقيسه دري بدان، ملك برمولا فرقيندن دري عالم دنيا كمال برزخ بايت عالم قبور. عالم قبور مروفانن ثمة فرهنتين اتو فرسيغكهن أخيرة يغ قرتام سلوم جسد كيت ديجيكتن سمولا غد

هاري قيامة دان دهيمقونن دفادغ مُحَشَّر. درقد هاني مؤل بن عثمان كاتن: اقبيل سيدنا عثمان بن عفان رضي الله عنه برديري دكت قبور ملك اي اكن مناغيس سهيغك اير متان مباسهي جفكوتن. لالو اد اورغ برتان كقدن: اقبيل اغكو ميوونن شرك دان نراك، اغكو تيدق مناغيس، تائي كران قبور اين اغكو مناغيس؟ دي منجواب: سسغكهن رسول الله ﷺ برسيدا:

إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ، فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ، وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ {رواه ابن ماجه}

مقصودن:

سسغكهن قبور اداله فرهنتين أخيرة يغ قرتام سكال. برغسياف يغ سلامة ددالمن ملك يغ سلس ايت اداله له موده باكين اكن تائي جك اي تيدق سلامة ددالمن ملك يغ سلس ايت اداله له دهشة.

مسلمين يغ درحمي الله،

عالم قبور اداله ثمة قرمولان سمد سسورغ ايت اكن مندافة نعمة شرك اتو عذاب نراك دأخيرة كلق. اين كران قبور اداله سالة ساتو تامن يغ اينده دري براف تامن ٢ شرك باكي اورغ ٢ يغ برلمان اكن تائي باكي اورغ ٢ يغ اغكر دان درهكا كقد الله سبحانه وتعالى قول قبور اداله لوبغ نراك باكي مريك. درقد ابو سبيد الحذري رضي الله عنه، كاتن: رسول الله ﷺ ماسوق كمتف سميهيغ لالو بكتدا مليهت رامي مانسي يغ بركلق تاوا، بكتدا برسيدا:

جك كامو مقرباقن مغايغي يغ مهنجوركن كلاذن نسحاى كامو اكن دسيوقن اوله اف يغ اكر ليهت، يلان ماتي. اوله ايت، قريابكتله مغايغي يغ مهنجوركن كلاذن يلان ماتي كران ستيف هاري قبور اكن بركات: اكوله رومه يغ اوسغ، اكوله رومه كسورغن، اكوله رومه تانه دان اكوله رومه اولت.

اقبيل سسورغ مؤمن دسماديكن، قبور اكن بركات كقدن: سلامة داتغ. سسغكهن اغكوله اورغ يغ فاليغ اكو سوكاي برجالن دانس فرموكانكو. ملك قد هاري اين اقبيل اكو مفندالكن كامو دان كامو كميالي كقدكو، كامو اكن مليهت باكيما لايتكو ترهاتف مو. لالو دلواسكن اتوقن، قبورن سحاوه مات مندغ دان ديوكاكن اتوقن فيتنو دري شرك.

اقبيل سسورغ هميا يغ جامه اتو كافر دكيوميكن، قبور اكن بركات كقدن: تيدق اد سلامة داتغ دان الو-الوان اتوق مو، سسغكهن اغكوله اورغ يغ سافة اكو بنجي برجالن دانس فرموكان كو. ملك اقبيل اكو مفندالكن اروسن كامو قد هاري اين دان اغكو تله كميالي كقدكو، اغكو اكن مليهت باكيما اكو ملائي مو. لالو قبور مغميقتن هيغك برسليسيه تولغ روسوقن.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS
DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 75/10/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan
Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 07 OKTOBER 2019

TARIKH TUTUP: 21 OKTOBER 2019

1. PEMANDU TINGKAT I
E.1-2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2019/0040/03

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan
FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga
hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN PENGAMBILAN
BAKAL-BAKAL REKRUT WANITA
PENGAMBILAN KE-56 ANGKATAN
BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB)

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk
menceburi Kerjaya Tentera sebagai bakal-bakal Rekrut
Wanita Pengambilan Ke-56 Angkatan Bersenjata Diraja
Brunei mengikut syarat-syarat kelayakan dan
kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan bermula pada :

ISNIN, 14 OKTOBER 2019

hingga

KHAMIS, 24 OKTOBER 2019

Waktu Pendaftaran :

Isnin hingga Rabu

8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi

2.00 Petang hingga 3.30 Petang

Khamis - Taklimat

Jumaat - Pentadbiran

Sabtu / Ahad - Tutup

Hari Kelepasan Awam - Tutup

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan
tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan
bermula pada **10 April 2020**.

Pemohon-pemohon mestilah berpakaian **kemas (baju
kurung) serta berkasut** dan juga membawa **risalah-
risalah** seperti :

1. Sijil kelulusan akademik sekolah yang asal.
2. Kad Pengenalan asal.
3. Sijil berhenti sekolah.

Tempat Letak Kereta :

Kawasan letak kereta belakang bangunan Pancaragam
ABDB

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan

Bolkiah Garison

Telefon : +673 2386898

Atau layari laman sesawang :

<http://www.mindef.gov.bn>

E-mel : FRO@mindef.gov.bn



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

LEASE OF RESTAURANT OR CAFE SPACES AT KUALA BELAIT POST OFFICE

Rujukan Tawaran :
POS / T / 22 / JPP / 2019-2020

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND30.00** (tidak dikembalikan).
3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :

Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

LEASE OF RESTAURANT OR CAFE SPACES AT KUALA BELAIT POST OFFICE

Rujukan Tawaran :
POS / T / 22 / JPP / 2019-2020

Dialamatkan kepada :
PETI LEMBAGA TAWARAN KECIL
Tingkat Bawah
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 29 Oktober 2019, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
7. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

PEMBERITAHUAN TAWARAN

MENYEWA RUANG ATAS PEJABAT POS BUNUT, DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Tawaran :
POS / T / 14 / JPP / 2019-2020

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND10.00** (tidak dikembalikan).
3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :

Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

Menyewa Ruang Atas Pejabat Pos Bunut, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

Rujukan Tawaran :
POS / T / 14 / JPP / 2019-2020

Dialamatkan kepada :
PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 29 Oktober 2019, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
7. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 040 / 2019

TAJUK :
**PENGUKUHAN RANGKAIAN SISTEM
11KV/415V BAGI KAWASAN JALAN
PASAR GADONG DAN SEKITARNYA
(RE-TENDER)**

TARIKH TUTUP :
**5 November 2019 / Selasa
(jam 2.00 Petang)**

YURAN TAWARAN :
**BND1,000.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

KELAYAKAN :
**KELAS V ATAU VI SAHAJA,
KATEGORI E02 DAN E03**

TEMPAT TUTUP :

**PETI TAWARAN
PENGURUSI**

**LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN
KOMOLEKS BANGUNAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Airport Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :

Sila sertakan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17' dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa mengambil dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**1. PERKHIDMATAN CUBE STORE
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA, KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI TEMPOH
TIGA (03) TAHUN**

**2. PERKHIDMATAN GROCERY
STORE KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA, KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BAGI
TEMPOH TIGA (03) TAHUN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN
MAKLUMAT :**

1. SEBUT Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat SURAT KEBENARAN UNTUK BERNIAGA DARIPADA JABATAN PERDANA MENTERI.
3. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 serta CAP SYARIKAT semasa mengambil borang sebut harga. Setiap pemohon hendaklah mengambil satu (1) borang sahaja (tidak boleh berbilang).
4. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di BAHAGIAN PENTADBIRAN (KEWANGAN), TINGKAT 1, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
5. Yuran Tawaran : BND5.00 (bagi setiap sebut harga)
6. Pemohon hendaklah menggunakan BORANG ASAL yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
7. Setiap borang sebut harga hendaklah

ditulis dan diisi dengan lengkap dan diCAP SYARIKAT dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU / HITAM sahaja (bukan dengan pensel atau bahan yang mudah dipadam).

8. Setiap satu borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Tarikh buka tawaran adalah pada **Isnin, 23 Muharam 1441H / 23 September 2019M.**

Tarikh akhir mengambil borang sebut harga adalah pada **Selasa, 23 Safar 1441H / 22 Oktober 2019M.**

10. Borang sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan waktu / masa yang telah ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.

11. Borang sebut harga serta SALINAN KAD PINTAR DAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dan hendaklah ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti syarikat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditujukan kepada :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
BAHAGIAN PENTADBIRAN
(KEWANGAN)
TINGKAT 1
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

12. Tarikh Tutup : **Rabu, 24 Safar 1441H / 23 Oktober 2019M, jam 2.00 Petang.**

13. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang sebut harga :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

14. Borang tawaran sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0042 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF PATHOSCAN
DIGITAL MICROSCOPY SLIDE
SCANNER**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**SUPPLY AND DELIVERY OF PCR
REAGENTS FOR THE DETECTION
OF SHRIMP VIRUSES**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**SUPPLY AND DELIVERY OF PCR
CONSUMABLE FOR THE
DETECTION OF AQUATIC ANIMAL
DISEASES**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**SUPPLY AND DELIVERY OF
LABORATORY APPARATUS AND
REAGENTS FOR WATER QUALITY
ANALYSIS**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**SUPPLY AND DELIVERY OF
HISTOLOGY CONSUMABLE ITEMS**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
**SUPPLY AND DELIVERY OF
HISTOLOGY REAGENTS**

1. SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan

dan dimasukkan kepada :

**Peti Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Di Bangunan Jabatan Perikanan
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam.**

2. Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **Isnin, 21 Oktober 2019, jam 2.00 Petang.** Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut Harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat.

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen sebut harga, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, dan pembayaran dokumen sebut harga di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang**

5. Yuran sebanyak **BND5.00** bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilik Syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang sebut harga.

8. Dokumen-dokumen sebut harga boleh didapati mulai **Isnin, 7 Oktober 2019.**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - A.S Narodin bin Hj. Ahmad (BYIC 00-030134) Alamat - No. 77, Lot 8150, Spg. 272, Kg. Sg. Teraban, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - In Bankruptcy No. 585 / 2012. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 73 sen. Pertama atau Terakhir atau selainnya - Pertama Bila kena dibayar -

7 Oktober 2019. **Di mana kena bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 11 September 2019.

**MUHD. MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**RUJUKAN TAWARAN :
14 / JPD / JKSH / 20192020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN BAGI MEMBEKAL
NOTEBOOK, TABLET DAN
KOMPUTER DESKTOP KE IBU
PEJABAT JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT,
BERIBI GADONG**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperoleh di Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong semasa waktu pejabat, iaitu 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang dengan membawa bersama salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan untuk rujukan.

3. Borang asal tawaran sebut harga dan borang Pengakuan Penender yang disediakan hendaklah diisi dengan lengkap.

Dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yang disebutkan dalam borang tawaran mestilah disertakan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong serta menyatakan Bilangan Tawaran dan Tajuk Sebut Harga dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

**Pengerusi
Jawatan Kuasa Sebut Harga
Ibu Pejabat
Jabatan Pengangkutan Darat
Tingkat 4, Kampung Mata-Mata
Gadong, BE1710
Brunei Darussalam.**

4. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga berkenaan pada **Selasa, 15 Oktober 2019, jam 2.00 Petang.** Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas III, V dan VI) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan (E&P) iaitu P01, P05, E01, E03 dan KPME02.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

Tajuk Sebut Harga :
**TO SUPPLY AND INSTALL A/C
POWER OUTLETS AND
DISTRIBUTION BOARDS AT
HEALTH SAFETY & SECURITY
ENVIRONMENT X-RAY SCREENING
TRAINING ROOM BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 14 / R

Tarikh iklan / mengambil dokumen
sebut harga :
**Bermula Sabtu, 5 Oktober 2019
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen sebut harga :
**Selasa, 15 Oktober 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 16 Oktober 2019
(hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 16 Oktober 2019**. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap sebut harga dan pembayaran sebut harga diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Sesi taklimat sebut harga (*briefing*) lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran telah diadakan pada :

Pada : **12 Oktober 2019 (Rabu).**
Jam : **8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

**Bertempat :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas III, V dan VI) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan dalam Kategori Perkhidmatan (KA) iaitu KA01, E01, E03 atau pembinaan mestilah mempunyai Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

Tajuk Sebut Harga :
**KERJA-KERJA MENGUKUHKAN
LANTAI DI DEWAN BERTOLAK
LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA BRUNEI**
Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 83

Tarikh iklan / mengambil dokumen
sebut harga :
**Bermula Sabtu, 5 Oktober 2019
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen sebut harga :
**Selasa, 15 Oktober 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 16 Oktober 2019
(hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :
Pengerusi

**Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 16 Oktober 2019**. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap sebut harga dan pembayaran sebut harga diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Sesi taklimat sebut harga (*briefing*) lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran telah diadakan pada :

Pada : **14 Oktober 2019 (Isnin).**
Jam : **8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

**Bertempat :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**

**TAWARAN PENYAJIAN MAKANAN
DAN MINUMAN ASRAMA KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN BAGI (4 BULAN)
BERMULA 01 NOVEMBER 2019
SEHINGGA 28 FEBRUARI 2020**

1. TAWARAN dibukakan kepada semua pemborong tempatan dan diutamakan kepada pemborong yang mempunyai Nature of Business dalam bidang pembekalan makanan / catering sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 serta memiliki Sijil Halal, Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BERSERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17, SIJIL HALAL DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan di cap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas

TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 1
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Sabtu, 21 Muharam 1441H** bersamaan **21 September 2019M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Sabtu, 13 Safar 1441H** bersamaan **12 Oktober 2019M, jam 10:00 Pagi**.

5. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja dengan Harga Dokumen **BND10.00 (tidak dikembalikan)**.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : II, III & IV SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
SELASA, 15 OKTOBER 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
SELASA, 5 NOVEMBER 2019
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 024 / 2019**

**NAMA PROJEK :
MENUKAR SALURAN PAIP DALAM
TANAH KEPADA SALURAN PAIP
ATAS TANAH (ABOVE GROUND)
BAGI STESAN JANAKUASA
GADONG 1A**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
SELASA, 22 OKTOBER 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
SELASA, 5 NOVEMBER 2019
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 025 / 2019**

**NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
SALURAN PAIP BARUN PILI
BOMBA HANGAR 1 DAN
HANGAR 2**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-syarat Tawaran :

DOKUMEN-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.


**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**
**MEMOHON MENYIARKAN
IKLAN BAGI 12 MONTHS
TERM CONTRACT FOR
AIR-CONDITIONING SYSTEM FOR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
(2019-2020)**

1. TAWARAN hanya dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pambangunan Kategori M01 sahaja di Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BERSERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan di cap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan

serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**Pengerusi
Sebut Harga
Bahagian Kewangan, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Ugama
Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Isnin, 23 Muharam 1441H** bersamaan **23 September 2019M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Sabtu, 27 Safar 1441H** bersamaan **26 Oktober 2019M, jam 10:00 Pagi.**

5. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja dengan Harga Dokumen **BND10.00 (tidak dikembalikan).**


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS : III /
IV KATEGORI : KA01 / B01**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN
PADA :
22 OKTOBER 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DBS / ETE001 / 2019
NAMA PROJEK :
PENGUBAHSUAIAN DAN
TAMBAHAN LALUAN POST
KAWALAN IMIGRESEN
SEMENTARA LABU DAERAH
TEMBURONG**

PROJEK : 2019DBSETM / JKR2019

**YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas III, V dan VI) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan tepi jalan *road side maintenance and cleaning works* dalam Kategori Perkhidmatan (S) iaitu S03 atau pembinaan mestilah mempunyai Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai Sebut Harga binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

Tajuk Sebut Harga :
**TERM CONTRACT FOR SIX (6)
MONTHS BUILDING MAINTENANCE
CIVIL WORKS, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT - FSOR**
Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 77

Tarikh iklan / mengambil dokumen
sebut harga :
**Bermula Selasa, 24 September 2019
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen sebut harga :
**Selasa, 8 Oktober 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 9 Oktober 2019
(hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 9 Oktober 2019.** Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - **tidak dikembalikan** bagi setiap sebut harga dan pembayaran sebut harga diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Sesi taklimat sebut harga (*briefing*) lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran telah diadakan pada :

**Pada : 3 Oktober 2019 (Rabu).
Jam : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**Bertempat :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**


**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (07)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR INK
CARTRIDGE DAN TONER UNTUK
UNIT PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN.**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (08)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR ALAT BANTU
MENGAJAR UNTUK UNIT
PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (09)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR ALAT BANTU
MENGAJAR UNTUK UNIT
PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (10)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (11)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN**

**/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (12)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**BIL. SEBUT HARGA :
SP.ED / ADMIN / 26 / 1 PT.6 (13)**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR PERALATAN
DAN ALAT BANTU MENGAJAR
UNTUK PUSAT KECEMERLANGAN
/ CENTRE OF EXCELLENCE (COE)
TEMBURONG**

**BAYARAN DOKUMEN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH DIBUKAKAN :
8 OKTOBER 2019**

**TARIKH TUTUP :
22 OKTOBER 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Borang-borang sebut harga bolehlah diperoleh di :
**Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan
Kokurikulum
Tingkat 1, Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam**

Borang-borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :
**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga Program 7
- Lain-lain Program
dan Institusi Pendidikan
Jalan 10
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Berakas, BC2315
Negara Brunei Darussalam.**


**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEMBELIAN PLET-PLET
ALUMINIUM TERPAKAI (USED
PRINTING PLATES), JABATAN
PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- DUA (2) TAHUN KONTRAK**

**BILANGAN TAWARAN :
GP / Korp / STI / 3.10 (2)**

DOKUMEN-dokumen dan syarat-syarat bagi pembekal untuk sebut harga tersebut boleh didapatkan di Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Bay 1, Aras Bawah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.

Tempat menghantar Sebut Harga :

**Pengerusi Sebut Harga
Peti Sebut Harga
Unit Pentadbiran
Bay 1, Aras Atas
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup menghantar Sebut Harga pada :
Rabu, 23 Oktober 2019, jam 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan borang tawaran, sila hubungi Dayang Hajah Nor Khadijah binti Haji Donglah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, melalui talian +673 2382541 sambungan 163 atau e-mel khadijah.donglah@printing.gov.bn



**SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-73 TAHUN**

مانوسكريف اسلام مرچو تندا كتمدونن اومت

Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat

Bertempat di
Balai Pameran Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB)

HARI SABTU

13 SAFAR 1441H
12 OKTOBER 2019M

MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2019
CERAMAH KHAS MAJLIS ILMU 2019

HARI AHAD

14 SAFAR 1441H
13 OKTOBER 2019M

SEMINAR MAJLIS ILMU 2019 (SESI 1 & 2)
- 8.30 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI

SEMINAR MAJLIS ILMU 2019 (SESI 3 & 4)
- 1.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

HARI ISNIN

15 SAFAR 1441H
14 OKTOBER 2019M

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2019
TAJUK FORUM:

**MANUSKRIP ISLAM MERCU TANDA
KETAMADUNAN UMAT**

SEMINAR MAJLIS ILMU 2019 (SESI 5 & 6)
- 1.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

HARI RABU

17 SAFAR 1441H
16 OKTOBER 2019M

CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2019
TAJUK CERAMAH:

**MANUSKRIP MELAYU JAWI LEGASI
INTELEKTUAL SEPANJANG ZAMAN**

HARI SABTU - RABU

13-17 SAFAR 1441H
12-16 OKTOBER 2019M

EXPO MAJLIS ILMU 2019
- 9.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

Penganjur Bersama :
Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama

Diterbitkan oleh: Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2019
www.majlisilmu.gov.bn

IMBASAN MINGGUAN



MENGHAYATI... para hadirin termasuk ibu bapa, pelajar-pelajar dan guru-guru mendengarkan sesi ceramah motivasi yang disampaikan oleh Ketua Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Foto : Mohammad Azmi Awang Damit.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik menimba pengalaman melawat Perusahaan RZ Prisma yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem rumah terlindung (Green House), Hidroponik dan Sistem Bertingkat (Vertical Farming). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SUASANA pada Majlis Pembukaan Konvokesyen Majlis Guru-Guru ASEAN +1 Kali Ke-35 dengan keceriaan kehadiran para peserta negara masing-masing. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PARA Atlet Pencak Silat negara menjalani latihan di pantai bagi menguji dan memberikan cabaran kepada para atlet khususnya daya tahan dan menguji mental dengan suasana panas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



KEGEMBIRAAN kemenangan kepada Brunei pada Perlawanan Akhir Bola Sepak Singapore Premier League di antara Brunei DPMM FC dengan Hougang United FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Nur Husnina Asyiqin Asnan,
penempatan Mahasiswi UBD di Seksyen
Kandungan Khas, Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

APABILA awda berkongsi perasaan dengan orang lain, awda akan berasa lega dan ini dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi.

Tangani kesihatan mental secara menyeluruh

TEKANAN atau stres merupakan tindak balas fizikal, emosi dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara dan keadaan. Tekanan stres berlaku apabila seseorang merasakan sesuatu perkara dan keadaan di luar kawalan atau kemampuan diri.

Tekanan boleh berlaku di rumah, di tempat kerja mahupun di sekolah. Contohnya tekanan sebagai seorang pelajar antaranya tekanan apabila pelajar tidak dapat membahagikan masa dalam mengerjakan kerja-kerja kursus mereka yang menyebabkan mereka hanya menumpukan masa untuk menyiapkan kerja-kerja mereka. Tambahan lagi, jika menghadapi kesukaran dalam memahami mata pelajaran tertentu.

Tekanan boleh diatasi dengan menjalani hidup yang sihat, positif, melakukan kegiatan fizikal yang aktif serta pengawalan diri yang kuat serta pegangan agama yang baik. Di samping mendapatkan rawatan yang sewajarnya dengan mendapatkan bantuan profesional seperti ahli psikologi serta ahli perubatan dan kesihatan

yang lain.

Sementara keresahan ialah satu kondisi psikologi di mana seseorang itu mengalami perasaan takut, bimbang resah gelisah, khuatir atau uri tanpa sebab yang munasabah sehingga boleh menjejaskan prestasi fungsi kehidupan atau aktiviti seharian seseorang itu. Keresahan ini dikenali sebagai uri bagi masyarakat Brunei.

Ketua Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Psikologi Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Awang Yusri bin Haji Kifle menyatakan bahawa penyakit mental dan emosi adalah satu gangguan kepada fungsi otak yang boleh menyebabkan perubahan kepada proses pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang yang mengakibatkan gangguan untuk menjalani aktiviti seharian dengan baik. Penyakit mental dan emosi ini boleh bersifat sementara dan boleh berulang-ulang di sepanjang kehidupan.

Perkhidmatan Psikologi dan Perkhidmatan Psikiatri

Kementerian Kesihatan sentiasa

memberikan keutamaan tentang penjagaan kesihatan mental dan ia termasuk di dalam perancangan strategik dan inisiatif kementerian berkenaan. Kesihatan mental adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan pendekatan 'A Whole Nation Approach' bagi sama-sama menangani isu berkenaan dengan lebih efektif di negara ini.

Awang Yusri semasa diwawancara oleh Pelita Brunei seterusnya menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Psikologi dan Perkhidmatan Psikiatri sentiasa menitikberatkan tentang isu kesihatan mental termasuklah mengadakan aktiviti-aktiviti dan jerayawara kempen kesedaran kesihatan mental yang diadakan pada setiap tahun untuk meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai dalam sama-sama mencegah, menangani dan memberikan sokongan kepada mana-mana individu yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Ujar beliau, antara inisiatif yang telah dilakukan adalah Perkhidmatan Talian Harapan 145 serta Perkhidmatan

Walk-in Klinik Psikologi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Klinik Psikologi Masyarakat di Bangunan Ong Sum Ping.

Perkhidmatan Psikologi, Kementerian Kesihatan mempunyai 20 tenaga kerja tempatan yang terdiri daripada dua Ahli Psikologi Klinikal dan 18 Ahli Psikologi di mana perkhidmatan ini terdapat di Perkhidmatan Psikologi Klinikal, Hospital RIPAS dan Perkhidmatan Psikologi Masyarakat, Bangunan Ong Sum Ping.

Peranan Keluarga Dan Orang Ramai

Kesedaran dan pengetahuan orang awam mengenai penyakit mental dan emosi ini perlu diperkuatkan di mana mereka akan lebih terbuka dan tidak bersikap diskriminasi dan mengurangkan stigma atau tanggapan negatif mengenai penyakit mental dan emosi. Dengan itu, ia akan dapat mengurangkan kebimbangan individu yang mempunyai penyakit mental dan emosi dan secara tidak langsung menggalakkan mereka agar mahu menerima rawatan.

Keluarga perlu mempunyai pengetahuan mengenai penyakit mental dan emosi dan memainkan peranan di dalam memberi sokongan kepada individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan emosi serta melayan individu tersebut dengan hormat. Menawarkan bantuan kepada individu seperti mendengar masalah mereka, bertanya apa yang boleh dilakukan untuk membantu dan menawarkan untuk menemani mereka berjumpa dengan ahli psikologi atau doktor atau mendorong mereka menghubungi Talian Harapan 145.

Mereka boleh sembuh, selain melalui pendekatan sokongan yang diberikan oleh Perkhidmatan Psikologi seperti psikoterapi, terapi kognitif, terapi kumpulan, terapi keluarga, kaunseling, pendidikan psikologi dan terapi pemulihan psiko-sosial selain daripada melalui ubat psikotropik. Mengenai tempoh penyembuhan jelas Awang Yusri, ia adalah tertakluk kepada jenis dan tahap penyakit mental dan emosi tersebut dan seberapa cepat mendapatkan rawatan dan juga terpengaruh kepada semangat dan kemahuan orang itu sendiri untuk menjalani rawatan. Dalam kata lain, sekiranya mereka mendapatkan rawatan awal, penyakit mental dan emosi yang mereka alami boleh pulih dengan segera dengan rawatan psikoterapi serta ubat. Adakalanya mereka boleh sembuh dengan hanya menjalani rawatan psikoterapi dan kaunseling tanpa rawatan ubat atau cuma dengan ubat.

TEKANAN boleh diatasi dengan menjalani hidup yang sihat, positif dan melakukan kegiatan fizikal yang aktif.

TAHUN	PERKHIDMATAN PSIKOLOGI KLINIKAL	PERKHIDMATAN PSIKOLOGI MASYARAKAT
2016	1371	-
2017	1514	746
2018	2243	1081
2019 (Sehingga bulan Jun)	974	324

DATA daripada Perkhidmatan Psikologi dan Perkhidmatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa pesakit yang memerlukan rawatan penyakit mental dan emosi merangkumi kira-kira 60% daripada jumlah keseluruhan setiap tahun dan kebanyakan adalah daripada kalangan muda dan pertengahan.



Belia Berwawasan

Generasi peneraju masa depan negara



Petinju muda harumkan negara

Oleh : Wan Mohammad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kevin Lim Chee Cong

Pencapaian Kejayaan

SEJAK beberapa tahun kebelakangan di negara kita ini, sukan tinju mulai diminati oleh generasi muda dan diperkembangkan dengan adanya pertandingan - pertandingan berikutan peminat sukan itu yang semakin bertambah sekarang ini.

Sukan tinju yang beradu di gelanggang dengan aksinya yang agresif memerlukan teknik dan persediaan yang cukup dari segi mentaliti dan fizikal terutama sekali mengatur strategi untuk menumpaskan pihak lawan semasa bertanding.

Meskipun baru berjinak-jinak dengan bidang sukan berkenaan, beliau berusia 25 tahun dari Kampung Kupang itu membuktikan usaha kerja keras dan latihan yang cukup kurang daripada dua tahun akan mendatangkan hasil dengan kejayaan yang diraihnya sama ada dalam dan luar negara.

Dikenali dengan nama Kevin Lim Chee Cong, warga tempatan berbangsa Cina itu terus jatuh hati apabila berpeluang memakai sarung tinju pada suatu ketika dan dari situlah ia mula aktif bergiat dalam sukan itu sejak dua tahun lalu.

Minatnya dalam bidang sukan sudah tersemat dalam dirinya sejak dari kecil terutama menonton rancangan sukan dalam program televisyen.

Walaupun demikian, Kevin Lim Chee Cong dengan bakatnya dalam sukan tinju itu ingin terus mencuba beradu nasib dengan menyertai pertandingan dalam negara sebanyak empat kali iaitu pernah mendapat naib juara dalam Kategori Light Heavyweight di Pahlawan Amateur Boxing Tournament pada tahun 2017, johan dalam Brunei Boxing Tournament

bagi Kategori Heavyweight dan Strike Battle of Pride dalam Kategori Middleweight, masing-masing pada tahun 2018 dan pada tahun 2019, beliau memenangi tempat pertama dalam House of Fitness Amateur Boxing Tournament bagi Kategori Welterweight.

Selain itu, pemuda tempatan berbangsa Cina itu juga mengharumkan nama negara di Republik Singapura apabila berjaya menggondol gelaran juara bagi The Ring Fighting Championship: Golden Gloves Promotion dengan menewaskan Ezekial Talban pada perlawanan yang diadakan pada 7 September lepas.

Dalam kejohanan tersebut, Kevin Lim Chee Cong bertanding dalam Kategori Welterweight (64 - 69kg).

Jumlah perdagangan Julai 2019 menurun

BANDAR SERI BEGAWAN, Darussalam pada bulan Julai 2019 Sabtu, 5 Oktober. - Jumlah perdagangan Negara Brunei BND1,089.8 juta berbanding

bulan Julai 2018.

Jumlah eksport menurun sebanyak 20.2 peratus tahun ke tahun kepada BND670.8 juta. Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport Minyak Mentah sebanyak 26.2 peratus dan Gas Cecair Asli (LNG) sebanyak 16.5 peratus. Penurunan eksport Minyak Mentah dan LNG adalah berikutan oleh penurunan dalam jumlah isi padu Minyak Mentah dan LNG masing-masing sebanyak 17.3 peratus dan 20.4 peratus. Purata harga eksport Minyak Mentah dan LNG juga menurun masing-masing sebanyak 10.5 peratus dan 0.6 peratus pada Julai 2019.


Jumlah import menurun sebanyak 11.7 peratus tahun ke tahun kepada BND419.0 juta. Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (36.7 peratus) diikuti oleh Barang-barang Keluaran Kilang (16.8 peratus), Bahan Api Galian (13.6 peratus), Makanan (13.0 peratus) dan Bahan-bahan Kimia (9.6 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantara merangkumi 60.3 peratus dari jumlah import diikuti oleh import Barang Modal (31.4 peratus) dan Barang Penggunaan (8.3 peratus).

Pasaran eksport terbesar bagi Negara Brunei Darussalam adalah Jepun (29.8 peratus) diikuti oleh Malaysia (22.6 peratus) dan India (16.7 peratus).

Dari segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar


Peratus Taburan Import Mengikut Rakan Dagangan



adalah dari Singapura (18.4 peratus) diikuti oleh Malaysia (16.0 peratus) dan Republik Rakyat China (15.0 peratus). Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam


menggunakan General System bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan Julai 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE di www.depd.gov.bn.

Lima Komoditi Import Utama




Siaran Akhbar dan Infografik:
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) OGOS 2019



IHP mengukur perubahan harga pada sebarang barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh sebahagian besar isi rumah di Negara Brunei Darussalam.



Sumber: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, 2019 menurun sebanyak 0.8 Sabtu, 5 Oktober. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Ogos peratus tahun ke tahun berbanding dengan bulan Ogos 2018. Harga

IHP Ogos 2019 menurun 0.8 peratus

Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 peratus. Harga Bukan Makanan juga menurun sebanyak 0.8 peratus.

Penurunan utama IHP adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Pakaian dan Kasut (6.2 peratus) dan diikuti oleh Pengangkutan (3.5 peratus); dan Makanan dan Minuman Ringan (1.2 peratus). Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan harga dan kos Restoran dan Hotel (4.6 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (2.6 peratus); dan Pendidikan (0.3 peratus).

Harga Pakaian dan Kasut menurun mengambil kira tawaran harga rendah pakaian. Manakala, penurunan harga Pengangkutan, dan Makanan dan Minuman Ringan adalah masing-masing disebabkan oleh harga kereta dan tiket penerbangan, dan harga biskut, ikan segar dan telur.

Bagi perubahan bulan ke bulan, IHP bagi Ogos 2019 menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding dengan bulan Julai 2019. Indeks Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.2 peratus, manakala Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.3 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) OGOS 2019



Tiga Penyumbang Utama Kepada Perubahan Tahunan



dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah

keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE : www.depd.gov.bn.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Seramai sembilan atlet, empat jurulatih sukan, dua penolong jurulatih dan tiga persatuan sukan telah diraikan pada Majlis Penyampaian Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS).

SPKS bertujuan untuk memberikan ganjaran kepada atlet-atlet negara sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan di atas kejayaan mereka yang telah mengharumkan nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa, serta menghargai sumbangan bakti yang telah diberikan oleh para jurulatih dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Ganjaran Kemenangan SPKS tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Haji Abdul Halim bin Haji Fuad diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, pihak KKBS setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan baginda bagi penganugerahan insentif dan sumbangan kepada atlet-atlet negara selaras dengan piawai yang terkandung di dalam SPKS.

Sukan-sukan yang menerima ganjaran kemenangan SPKS adalah sukan Lawan Pedang berjumlah BND1,400; sukan Wushu dari dua kejohanan

BND29,250 dihulurkan bagi Ganjaran Kemenangan SPKS



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) bergambar ramai bersama Atlet-atlet Wushu Negara Brunei Darussalam yang menerima ganjaran kemenangan masing-masing.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

berjumlah BND1,450 dan BND18,000; dan sukan Pencak Silat berjumlah BND8,400.

Dalam Kejohanan South East Asia Fencing Federation Kuala Lumpur 2018, atlet negara Awang Md Anaqi Danish bin Asahrin telah berjaya membawa pulang satu pingat gangsa melalui Saber Perseorangan Lelaki, manakala Ang Guat Lian menyumbang pingat gangsa dalam Kategori Taiji Jian Wanita pada Kejohanan FISU World University Wushu Championship 2018 di Macau, China.

Pada 1st ASIAN Traditional (KUNG FU) Wushu Championship 2018 di Nanjing,

China, atlet Wushu Kebangsaan telah berjaya membawa pulang lima pingat, iaitu tiga pingat emas melalui acara TaijiQuan Wanita dan TaijiJian Wanita yang diraih oleh Basma Lachkar dan pasangan Faustina Woo Wai Sii dan Ling Dexuan melalui Duilian Wanita.

Manakala dua pingat perak diperoleh oleh Hosea Wong Zheng Yu melalui acara TaijiQuan Lelaki dan Taijijian Lelaki.

Sementara pesilat negara, Dayang Anisah Najihah binti Abdullah, Dayang Qistina Athirah binti Zainal dan Dayang Nur Najihah binti Abdul Hamid menyumbang pingat gangsa melalui Seni Regu Wanita pada

18th Pencak Silat World Championship, Singapore 2018.

"Dengan itu, sukacita mengumumkan bahawa jumlah keseluruhan ganjaran kemenangan yang akan diberikan pada hari ini ialah sebanyak BND29,250 hasil dari pencapaian meraih sebanyak tiga pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa secara keseluruhan dari empat kejohanan tersebut," jelas Pengiran Mohammad Amirrizal.

Skim ganjaran ini juga diberikan kepada jurulatih-jurulatih sukan kerana penglibatan mereka dalam perkembangan dan kemajuan dalam latihan.

SPKS terkandung di dalam Dasar Sukan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1991 untuk kemudahan insentif kepada

atlet-atlet yang cemerlang bagi memberikan dorongan kepada para atlet agar mereka sentiasa terus menyumbangkan komitmen mereka kepada negara melalui pencapaian pingat di kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam temu bual bersama jurulatih Wushu, Li Hui, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah DYMM di atas sokongan kepada jurulatih, atlet dan Persatuan Wushu di atas pengiktirafan yang dikurniakan dan seterusnya akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk membawa kejayaan ke negara ini dalam kejohanan yang mendatang, seperti World Wushu Championship dan juga Sukan SEA tidak lama lagi.

Awang Markim juara BBRS, Edisi Labi



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput (kanan) juga selaku Ketua Kampung Labi I menyampaikan hadiah kepada Awang Markim bin Haji Rahman juara Perlumbaan Memerhati Burung Bersiri Brunei (Brunei Bird Race Series - BBRS) 2019 Ketiga, Edisi Labi (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Ahli MMN bergambar ramai bersama para pemenang Perlumbaan BBRS 2019 Ketiga, Edisi Labi (kiri).

KUALA BELAIT, Ahad, 6 Oktober. - Awang Markim bin Haji Rahman muncul juara pada Perlumbaan Memerhati Burung Bersiri Brunei (Brunei Bird Race Series - BBRS) 2019 Ketiga, Edisi Labi setelah berjaya menangkap gambar sebanyak 30 jenis ekor burung.

Manakala, naib juara milik Mohd. Nazirul Redhwan bin Haji Muhd. Masuni dengan tangkapan

gambar burung sebanyak 28 ekor, diikuti Norsah bin Haji Kassim di tempat ketiga dengan tangkapan gambar sebanyak 24 ekor burung.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang diadakan di Pusat Biodiversiti Tropika, Jalan Labi, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan

penyampaian piala dan hadiah, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput juga selaku Ketua Kampung Labi I.

Acara Perlumbaan Fotografi tersebut diadakan selama dua hari, mulai 5 hingga 6 Oktober 2019 di seluruh kawasan Jalan Labi dan berakhir pada jam 10.30 pagi tadi.

Perlumbaan tersebut dianjurkan



**Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin**

oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan sokongan daripada pihak agensi kerajaan yang berkepentingan, Majlis Perundingan Kampung dan para penuntut sukarelawan dari IBTE Jefri Bolkiah.

Juga hadir, para pegawai dari

agensi kerajaan yang terlibat, Ketua-ketua Kampung juga Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Labi, rakan strategik dari pihak industri pelancongan swasta dan para penuntut sukarelawan dari IBTE Jefri Bolkiah.

Sukan

INFO SUKAN

PASUKAN Brunei berjaya meraih tempat 40 teratas dalam kalangan 200 peserta yang bersaing dengan negara-negara seperti Singapura, Filipina, Malaysia, Australia dan Rusia pada Pertandingan Memanah Terbuka Singapura 2019 yang diadakan baru-baru ini.



ePaper Pelita Brunei

Golf Amal sempena Penubuhan MKM Ke-10

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Oktober. - Perlawanan Golf Amal sempena Penubuhan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) Ke-10 Tahun berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri (PMGC) selama tiga hari bermula 4 Oktober hingga hari ini.

Perlawanan Golf Amal anjuran MKM dengan kerjasama PMGC itu, antara lain bertujuan untuk menambah dana MKM bagi membiayai projek-projek dan aktiviti membantu golongan yang kurang berkemampuan di negara ini, khususnya klien-klien di bawah pengawasan dan pemantauan MKM.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang diadakan dan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Kategori-kategori yang dipertandingkan pada perlawanan berkenaan, Netts, Gross dan Hole in One dengan format perlawanan System 36 Stroke Play (OCB).

Muncul johan bagi Overall Gross, Awangku Mohd. Syakir Pengiran Haji Alli dan johan bagi Overall Nett, Nurjaimi Haji Jumat.

Gelaran johan bagi Kategori Nett Division 'A' dimenangi oleh Md. Ariz Maldini Haji Abd.Majid; Nett Division 'B' dirangkul oleh Abdul Mutalip Haji Md. Jair; dan Division 'C' dimiliki oleh Mahdini Haji Rosman.

Sementara gelaran juara bagi Nett Ladies Division dimenangi oleh Agnes De Cruz; Nett Senior Division disandang oleh Kolonel (B) Dato Paduka Haji Harith Haji Abdul Karim; dan VIP & Sponsors Division diraih oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis turut diserikan dengan cabutan bertuah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Overall Gross, Awangku Mohd. Syakir Pengiran Haji Alli pada Perlawanan Golf Amal sempena Penubuhan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) Ke-10 Tahun.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan semasa sesi bergambar ramai pada Perlawanan Golf Amal sempena Penubuhan MKM Ke-10 Tahun.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'PANGKAT KEBESARAN, DARJAT, HARTA BENDA, KEKAYAAN TIDAK MENJAMIN SYURGA'

دتر بیتکن اوله جباتن قدر اغن، جباتن فردان منتري دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam